Dalam Titah Uchapan Baginda satu perkara yang di-harap²kan ia-lah semua Anggota Parlimen memberi perhatian yang sa-berat², memberi pertimbangan sa-masak² terhadap usul Kerajaan di-dalam meminda Perlembagaan. Harapan itu telah termakbul apabila di-Dewan Ra'ayat sa-bahagian besar malah lebeh dari 2/3 Anggota² Dewan Ra'ayat telah memberi sokongan dan Dewan Negara seluroh-nya telah memberi sokongan kapada pindaan undang² itu yang kerana-nya berlaku-lah kata dua—lulus, kembali berparlimen; tidak lulus belum tentu ada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulus-nya pindaan Perlembagaan baharu² ini membawa kita kembali kapada Parlimen atau demokrasi berparlimen. Pehak Kerajaan telah menyuarakan bahawa pindaan Perlembagaan itu tidak ada satu pun merugi sa-siapa atau sa-suatu kaum dari segala hak² yang telah mereka dapati dari Parlembagaan.

Saya bersetuju dengan pendapat itu, kerana pindaan itu sekadar saperti apa yang telah saya chakapkan sa-waktu mendebatkan pindaan Perlembagaan itu. Dengan kembali-nya kita berparlimen kita boleh berdebat lagi, boleh berdailog dan boleh menyatakan pendapat dengan sa-bebas²-nya berdasarkan Perlembagaan kita. Hanya mereka yang kekurangan modal yang bimbang dan takut kapada pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan baharu² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan ucapan saya dengan menimbulkan perkara² kecil kemudian terus dengan perkara² sedikit besar sebab saya takut kalau saya mula dengan yang besar², hilang energy saya. Sa-telah kita kembali ka-Parlimen dengan semangat baharu, jiwa baharu, saya harap

ada beberapa perubahan yang kita boleh buat menyesuaikan dengan jiwa baharu dan semangat baharu.

Pindaan Perlembagaan yang telah kita lakukan menyekat sedikit kebebasan bagi menjaga keharmonian antara ra'ayat negara kita. Bererti dengan itu kita telah menyeleweng sedikit dari demokrasi liberal yang di-amalkan di-England, sa-bagai bapa parliamentary modern. Kalau telah kita sanggup untuk menyeleweng sedikit dengan mengadakan perubahan bagi kepentingan negara kita apa salah-nya kita mengadakan sedikit² lagi perubahan dalam Parlimen kita sesuai dengan keadaan kita dan negara kita sendiri. Saya maksudkan kita modenkan Parlimen kita ini, tidak perlu kita turut Inggeris yang conservative dan perkara yang hendak saya sentohkan ini tidak ada di-dalam Perlembagaan ia-itu, Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Dewan dan sa-bagai-nya yang ada di-dalam Dewan ini dengan pakaian² tertentu baik di-Dewan Negara mahu pun di-Dewan Ra'ayat dengan jubah dan wig, saya rasa tidak perlu kita kekalkan. Dia kadang² menggelikan Tuan Yang di-Pertua, tetapi hendak tinggalkan kerusi payah juga dan sa-bagai Anggota Parlimen kita sadar dan kita faham siapa sahaja yang dudok di-tempat Setiausaha erti-nya Setiausaha Meshuarat dan siapa sahaja yang dudok di-kerusi Pengerusi erti-nya Yang di-Pertua dengan tidak payah kita mengekalkan tradisi Inggeris, kalau kita boleh buang, sa-bahagian yang lain, mengapa yang ini kita tidak boleh buang, tetapi bukan maksud saya hendak di-champakkan semua sa-kali jubah² dan wig, kita boleh simpankan dalam Muzium.

Tuan Yang di-Pertua, ada perkara² yang baik yang boleh kita ambil, yang kita tiru, ada perkara² yang burok yang patut kita champak dan ada perkara² yang boleh kita ubah sedikit demi sedikit, bukan semua-nya dari barat itu burok saperti tidak semua-nya dari timor ini baik.

Tuan Yang di-Pertua, bila berchakap tentang Parlimen kita, Dewan Negara ini mempunyai anggota sa-ramai 58 orang. Jumlah yang di-tunjuk lebeh ramai daripada jumlah yang di-pilih mengikut istilah Perlembagaan kita.

Perkara ini pernah saya sebutkan sa-waktu kita membahathkan pindaan Perlembagaan untuk menambah jumlah Anggota Dewan Negara dan perkara ini juga baharu² ini telah

di-sebut oleh Yang Berhormat wakil dari Kota Bharu Hulu di-dalam Dewan Ra'ayat. Maksud saya Ahli² Dewan Negara yang di-pilih oleh Dewan Undangan Negeri harus lebeh ramai di-wakili dalam Dewan Negara ini dan jumlah yang di-tunjuk harus lebeh sedikit kerana negara kita yang berbentuk Persekutuan, Negeri² harus mempunyai, dan sangat adil di-beri peluang menunjukkan mewakili kepentingan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, semangat Perlembagaan kita sendiri pun bagitu. Sebab² mengapa Jawatankuasa atau Surohanjaya Perlembagaan telah menunjukkan dua orang dari tiap² Negeri dan sedikit sahaja jumlah orang yang di-lantek pada waktu itu ada-lah semangat untuk mempraktikkan demokrasi dengan sa-baik²-nya dan menunjukkan Negeri mempunyai hak² yang patut di-wakili di-dalam Dewan Negara sa-bagai Dewan Tinggi.

Dalam perbahathan meminda Perlembagaan tentang jumlah Anggota Dewan Negara pada masa yang lalu, saya pernah menchabar supaya di-adakan pilihanraya, tetapi Kerajaan tidak bersedia dan baharu² ini timbul dalam Dewan Ra'ayat lagi, jawapan Perdana Menteri, Kerajaan tidak bersedia untuk mengadakan pilihanraya langsung bagi Ahli² Dewan Negara. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, memang tidak perlu di-adakan pilihanraya sa-chara langsung bagi Ahli Dewan Negara kalau kuasa Dewan Negara sa-kadar seperti yang ada sekarang ini. Kalau kita mahu mengadakan pilihanraya bagi semua Ahli Dewan Negara kuasa Dewan Negara harus di-ubah sa-hingga sesuai seperti keadaan Senate di-Amerika.

Yang perlu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menimbangkan sesuai dengan semangat demokrasi dan semangat Perlembagaan sendiri dari awal-nya jumlah Ahli² Dewan Negara yang di-pilih oleh Kerajaan Negeri itu harus di-tambah dengan meminda Perlembagaan.

Ahli² Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, yang sudah lama berehat oleh kerana kekacauan dalam negara kita pada 13 Mei, pada dasarnya ada-lah sama taraf, baik dia menjadi Anggota Dewan Rendah atau Dewan Tinggi Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara, mereka sama di-panggil Ahli Parlimen, pada sa-bahagian-nya mereka mendapat keutamaan² yang sama—saya mengharapkan Kerajaan menyamakan semua-nya sa-kali. Tiap² apa yang boleh di-dapati oleh Ahli Dewan Ra'ayat

sa-bagai Ahli Parlimen hendak-lah boleh di-dapati oleh Ahli Dewan Negara sa-bagai Ahli Parlimen tidak ada perbedzaan sedikit pun. Tanggong-jawab kepada negara ada-lah sama sa-bagai Anggota atau sa-bagai Ahli Parlimen.

Jadi kalau di-Dewan Ra'ayat akan di-adakan, mahu di-adakan memang di-tawarkan peluang² untuk ada Ketua Pembangkang, di-Dewan Negara juga patut ada, chuma payah sedikit saya sa-orang, kalau hendak pilih itu, tidak boleh, terpilih sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, mengamalkan demokrasi yang sa-baik²-nya ia-lah dengan memberi peluang yang sa-baik²-nya dan memberi penghormatan yang sa-baik²-nya.

Berpaling kepada perkataan demokrasi yang menjadi slogan dan terus menjadi slogan. Memang demokrasi terlalu indah khabar, terlalu sedap bunyi-nya semenjak dari zaman Greece purba-kala. Tetapi dalam perkataan demokrasi di-dunia modern kita ini bermacam² perkataan demokrasi yang di-tempelkan orang terhadap demokrasi—demokrasi liberal, demokrasi ala-barat, demokrasi ra'ayat, demokrasi ala-Malaysia, demokrasi ala-Indonesia dan bermacam² nama, kerana demokrasi hakikat-nya seperti yang di-aku² oleh orang yang bijak² pandai dia ada-lah satu theory, satu perinsip penyelesaian masalah ra'ayat, masalah negara yang tidak pernah berkesudahan sa-bagai satu perchubaaan. Kerana dia tidak pernah berkesudahan sa-bagai satu perchubaaan, sa-bagai satu experiment kepada masharakat manusia jenerasi demi jenerasi, maka itu-lah ada perubahan² dan sa-benar-nya tidak pula statis, sebab dalam mengamalkan pelaksanaan pemerentahan tentu-lah sa-buah negara, sa-buah masharakat, tidak sama dan harus ada sedikit² perbedzaan, tetapi manusia yang tidak puas dengan pemerentahan dalam negara mereka tidak dapat menerima asas² yang berjalan memberontak dan menentang menchari perubahan² lain dan ini-lah puncha pada keka-chauan² di-dalam dunia.

Lahir-nya negara² kominis tetapi sa-benar-nya tidak ada amalan kominis yang berlaku dalam negara² yang di-perintah oleh parti kominis, sampai hari ini belum ada lagi, ia-lah hasil daripada apa yang di-katakan demokrasi yang di-amalkan di-barat semuanya kerana rasa tidak puas, rasa tidak puas itu timbul daripada hati. Jadi hati manusia

itu-lah yang paling penting. Sebab perlaksanaan demokrasi berarti menjalankan pemerintahan itu-lah politik. Politik itu kata orang kotor, tetapi pada saya politik itu tidak kotor. Manusia yang menjalankan politik mempunyai hati yang kotor, maka kotor-lah politik itu. Kalau manusia yang menjalankan kekuasaan politik mempunyai hati yang baik, maka baik-lah politik itu, kerana politik ada-lah satu² alat bagi menyelesaikan problem manusia, satu alat bagi menyusun masyarakat manusia, satu alat bagi membenarkan manusia menjadi manusia di-dalam dunia ini.

Demokrasi di-negara kita sekarang ini di-susun sesuai dengan keadaan dan bentuk negara kita, yang berbagai² kaum dan berbagai² keturunan yang menjadi warga-negara di-negara kita. Kita dapat menerimanya tetapi sangat-lah silap kalau kita katakan apa yang ada pada kita sekarang ini sa-baik²-nya untuk sa-lama²-nya. Apa yang ada pada kita sa-baik²-nya yang dapat kita lakukan pada waktu kita ini tetapi kita tidak mungkin menjamin sa-baik²-nya untuk sa-lama²-nya. Proses masa hadapan yang akan menentukan bagaimana perubahan² yang akan berlaku.

Sa-telah kita kembali ka-Parlimen dan kita terus mengaku² sa-bagai sa-buah negara demokratik dengan pengertian² kita sendiri, kita maseh mempunyai banyak kebebasan, sebab saya telah katakan tadi Pindaan² Perlembagaan, ia-itu Akta yang baharu² ini kita luluskan tidak menyekat sa-siapa pun yang jujur kepada negara ini sa-siapa juga yang mempunyai modal untuk berjuang dalam politik negara ini. Chuma saya mengharapkan demokrasi kita ini biar-lah hidup subur, segar-bugar dengan mengaku² kebebasan yang sa-benar²-nya. Jika prinsip² kedaulatan ra'ayat sa-bagai asas kepada demokrasi itu di-aku² sa-benar²-nya, maka suara ra'ayat itu hendak-lah di-hormati sa-benar²-nya pula. Suara ra'ayat dalam zaman demokratik kita di-wakili melalui Dewan², suara ra'ayat yang di-sampaikan oleh Ahli² PAS mital-nya baik di-Dewan Ra'ayat atau pun di-Dewan Negara ini mewakili lebih daripada sa-tengah juta ra'ayat negara kita ini. Sa-kali pun bukan parti yang memerintah, tidak boleh memerintah, tetapi suara ra'ayat yang di-wakili oleh Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu lebih daripada sa-tengah juta ra'ayat negeri ini dan suara daripada jumlah lebih daripada sa-tengah juta itu jangan-lah di-perkecil²kan. Kalau kita mahu mengaku² perinsip² kedau-

latan ra'ayat dan demokrasi. Itu tidak berma'ana, Tuan Yang di-Pertua, Ahli² PAS berchakap di-dalam Dewan menyuarakan fikiran dan pendapat sa-chara sumberono. Amalan² yang telah kita tunjukkan sa-lama kita berkhidmat di-dalam Parlimen baik di-Dewan Ra'ayat atau di-Dewan Negara, Ahli² PAS sentiasa memberi fikiran² atau memberi tegoran² dan kadang² menyokong dasar² yang di-kemukakan oleh Kerajaan sendiri.

Perjuangan PAS yang telah mendapat sokongan lebih daripada sa-tengah juta undi, itu lebih $\frac{1}{2}$ juta undi itu orang dewasa, kita ada kira² 50% anak² muda yang belum mengundi, entah berapa banyak pula yang sempeti dengan PAS dan sedikit demi sedikit orang² yang bukan Melayu atau bukan Islam akan chenderong kepada PAS, seperti yang berlaku yang di-cheritakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dalam bukunya Peristiwa 13 Mei, di-kawasan Pilehan-nya Tunku Abdul Rahman sendiri, orang² bukan Melayu, orang² keturunan China pergi mengundi kepada Bulan Bintang. Bukan-kah tidak mustahil lama² akhir-nya UMNO akan kehilangan kawan, semua-nya akan menyokong PAS. Perjuangan yang di-perjuangkan oleh PAS

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan. Nampak-nya dalam Uchapan Titah Agong ini tidak ada berkaitan berkenaan dengan PAS ini. Jadi di-bawah ucapan itu saya rasa lari daripada dasar yang kita bahathkan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia hanya berchakap berkenaan dengan keadaan politik.

Tuan Amaluddin bin Darus: Terima kaseh penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya sedang berchakap tentang perkembangan demokrasi dan demokrasi negara kita, Perlembagaan kita maseh tidak membatalkan kebebasan berchakap, kebebasan berkumpul. Erti-nya boleh berparti politik, maka kita sa-bagai sa-buah organisasi mempunyai chita² sendiri dan fahaman, chita² atau ideologi yang di-perjuangkan oleh PAS itu ada-lah keyakinan kita. Keyakinan kita untuk membawa manusia di-negara kita, baik Islam atau bukan Islam, membawa manusia di-dunia kita ini baik Islam atau bukan Islam kepada kebahagiaan hidup di-dalam dunia kita ini; tidak akan menimbulkan kekacauan dan huru-hara.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Uchapan Titah Seri Paduka Baginda telah menyebutkan tentang khidmat² dan jasa Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri. Oleh kerana kelmarin Dewan ini telah mendebatkan usul menguchapkan tahniah kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri terlalu panjang dan saya rasa saya tidak payah menokok-tambah. Berhenti-nya Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri atau perletakkan jawatan beliau, penarekan diri beliau tentang jawatan-nya sa-belum sampai habis tempoh ada-lah satu perkara yang biasa dalam dunia politik. Kerajaan yang sekarang ini di-bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Dato' Abdul Razak, yang sa-tengah orang mengatakan sa-buah Kerajaan baharu yang progressive. Saya harap bagitu-lah. Tetapi dia-nya tidak lebeh daripada satu angkatan menyambong perjuangan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman. Saperti Tunku Abdul Rahman Al-Haj sendiri tidak lebeh daripada menyambong perjuangan orang² dahulu walau pun belum merdeka. Saya menyertai sa-tiap orang yang memberi sanjongan dan penghargaan kepada sa-tiap orang yang berjasa sa-kali pun tidak semua saya setuju. Ada pun Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman nama-nya dan sejarahnya menjadi sa-bahagian daripada sejarah negara ini. Demikian Tun Dato' Abdul Razak dan yang lain² dalam zaman kita ini menjadi sa-bahagian daripada sejarah negara kita ini, tetapi sejarah negara kita ini bukan dimulakan daripada perjuangan 31hb Ogos, 1957, bukan di-mulakan daripada perjuangan tahun 1950, bukan di-mulakan daripada perjuangan tahun 1946. Tetapi sejarah ini beribu tahun. Saya mahu Kerajaan menyedari hakikat negara ini dan menghormati sejarah negeri ini dan memberi tempat kepada apa yang patut di-beri tempat di-dalam sejarah negeri ini.

Dato' Onn juga mempunyai sejarah dalam negeri ini dan banyak jasa-nya pada negeri ini. yang menyatukan orang Melayu, di-waktu kita ber-Kedah², ber-Perlis², ber-Kelantan², ber-Perak², dia menchantumkan. Tunku Abdul Rahman menyambong perjuangan beliau. Saya dari pehak PAS, perjuangan saya dalam PAS, perjuangan Islam tidak boleh di-banggakan perjuangan saya. Perjuangan saya hanya sa-kadar menyambong orang dahulu tidak akan selesai perjuangan saya, perjuangan umat, melainkan di-sambong oleh orang² akan datang, anak² yang sedang besar. Kita tidak boleh

mendewa²kan sa-suatu, tetapi kita memberi penghormatan yang sa-padan, dan semua-nya harus di-beri penghormatan.

Saya menyentoh perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kaseh kepada surat-khabar² yang telah menimbulkan kesah² Mat Kilau. Kerajaan tidak nampak bersungguh² untok memberi penghormatan kepada Mat Kilau. Hasil daripada lahir-nya Mat Kilau, lahir beberapa hal² yang lain, tetapi tertutup oleh sebab² yang tertentu. Itu ada-lah sa-bahagian daripada sejarah negara ini. Sejarah patriot, sejarah pahlawan Pahang ada-lah sejarah pahlawan Malaysia sekarang ini atau Pahlawan Tanah Melayu pada waktu sa-belum Malaysia. Bahasa² daerah yang di-punya² oleh orang² kita, baik bahasa daerah yang di-katakan bahasa suku Bajau, bahasa suku Iban, Kenyah atau Kenyah, Murut atau Malanau, bahasa² orang pelat Kelantan, bahasa daerah orang Trengganu, bahasa daerah Kedah, bahasa daerah Johor atau Riau dan sa-bagai-nya. Semua-nya merupakan kekayaan kebangsaan kita yang di-miliki bersama² oleh kita. Maka Pahlawan Pahang, dia ada-lah Pahlawan Nasional kita. Tetapi tidak siapa mahu mengaku². Pahang sahaja memberi kedudukan akhir-nya sa-telah di-buat tinjauan dan kajian.

Saya mahu negara kita memberi penghormatan kerana Mat Kilau sa-bahagian daripada sejarah negeri saperti Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra sa-bahagian daripada sejarah negeri ini. Sa-orang besar negara kita di-zaman Melaka, zaman Melaka yang besar dahulu, bukan Melaka macham sekarang ini, Melaka sekarang ini kecil, Melaka yang besar dahulu, negeri Selangor tidak ada. Pada waktu Melaka besar itu, Tun Perak menjadi Gabenor di-Klang yang kemudian Tun Perak menjadi Bendahara Paduka Raja, (Perdana Menteri) bagi negeri Melaka yang besar. Di-zaman Tun Perak menjadi Bendahara Paduka Raja, Majapahit mempunyai Pateh Gajah Mada. Saya mengshorkan dalam Dewan ini supaya di-beri penghormatan kepada pahlawan bangsa kita, pehak Kerajaan tidak sanggup. Saya anjorkan supaya Pelabohan Port Swettenham ditukar nama-nya kepada Pelabohan Tun Perak. Di-Indonesia Gajah Mada di-beri tempat dengan nama universiti, tetapi tidak sanggup Tan Sri Sardon kita. Tidak lama kemudian datang sa-buah keretapi, railcar sa-buah railcar yang kecil yang panjang sa-jangkal itu di-beri nama Tun Perak. Satu

bangsa yang tidak mengenal peribadi pahlawan²-nya yang tidak menghormati sejarah bangsa-nya, erti-nya bangsa yang tidak mempunyai peribadi dan saya mahu kita membetulkan kesilapan² ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan baharu kita sa-benar-nya hanya lanjutan yang lama tetapi ada beberapa muka baharu dan semangat baharu telah menyatakan akan menjalankan pemerintahan mengikut dasar chara berparti. Memang dalam negara demokrasi kita berpartai² politik, parti itu bertanding dalam pilihanraya dan parti yang menang ramai memegang pemerintah negeri. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun sa-buah parti mendapat suara yang terbanyak dan menguasai Dewan, maka mereka itu menjadi Kerajaan, nilai² demokrasi dan moral-nya tidak membenarkan sa-buah Kerajaan dari sa-buah parti memerintah dengan nama parti, untuk orang² dan kepentingan orang parti, kerana sa-buah negara yang di-wujudkan dalam bentuk demokrasi, sa-buah Kerajaan yang di-bangunkan melalui proses demokrasi ada-lah Kerajaan bagi seluruh ra'ayat dalam sa-buah negara demokrasi itu sendiri.

Kerajaan Perikatan ada-lah juga Kerajaan saya. Perdana Menteri daripada parti Perikatan ada-lah juga Perdana Menteri negara saya—Perdana Menteri saya, dari segi negara dan ra'ayat. Perdana Menteri yang memerintah negeri ini walau pun parti Perikatan, dia ada-lah Perdana Menteri Malaysia bagi seluruh ra'ayat Malaysia.

Kongres UMNO telah menetapkan dan memutuskan, telah mendesak supaya pada masa² hadapan, pemerintah ini hendaklah menurut kehendak² parti. Tuan Yang di-Pertua, prinsip² demokrasi berparti dalam negara kita atau di-mana² juga menyebabkan saya tidak boleh menghalang daripada parti Perikatan yang memerintah negara ini untuk mengikut fikiran² parti. Erti-nya memang pada tempat-nya sa-buah parti politik yang menang memerintah mengikut dasar partinya, tetapi saya tidak rela dan saya tidak mahu dasar Kerajaan yang memerintah negeri ini mengikut orang² parti, mengikut kehendak orang² parti. Dengan mengikut dasar² parti ada berbeza. Kalau mengikut dasar² parti, adil, sebab parti itu menang dengan tiket parti itu, kerana ra'ayat memberi mandat, memberi kepercayaan untuk melaksanakan program dan dasar parti itu. Demokrasi mengizinkan dan saya kata adil

dalam negara demokrasi, tetapi parti yang menang memerintah mengikut kehendak orang² parti berbeza. Akan berlaku-lah Ketidak-adilan di-dalam pemerintahan negeri. Saya mengingatkan Kerajaan baharu yang progresif supaya bersikap, mengikut dasar parti, tidak mengikut kehendak orang² parti.

Baharu² ini kita mengalami banjir dan Kuala Lumpur juga mengalami banjir besar. Di-Kelantan juga berlaku banjir. Saya yang tidak pernah merasai banjir, kali ini telah dudok di-tempat yang kena banjir. Di-luar sampai pinggang, sa-takat pinggang. Dalam rumah sampai sa-takat lutut. Jadi sudah terkena banjir. Banyak barang² yang rosak, tetapi tidak-lah pula saya hendak meminta bantuan untuk menggantikan kerosakan itu. Saya mendapat khabar bantuan banjir dijalankan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat. Banyak orang² yang pergi melaporkan diri dan menerima bantuan. Ada orang² yang di-beritahu, hari Sabtu dia akan menerima bantuan—giliran-nya, tetapi orang² itu bila sampai kepada hari giliran itu, di-beritahu pulang dahulu kerana sekarang tidak boleh; ada perintah supaya di-bahagi dengan chara lain. Keluar dalam surat khabar kenyataan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Yang Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba, bahawa di-Kelantan ada berlaku pembahagian yang tidak menyenangkan—pembahagian bantuan banjir. Dengan kerana itu terpaksa di-tarek dan di-serahkan tugas itu kepada Guru² Pembangunan Masyarakat. Ini sa-lepas daripada kita kembali kepada Parlimen, ini sa-lepas daripada kita kembali kepada sa-buah Kerajaan baharu yang progresif.

Ini membayangkan mengikut kehendak² orang parti. Yang melaksanakan kerja di-Jabatan Kebajikan Masyarakat di-Negeri Kelantan, Pegawai Kebajikan Masyarakat yang di-datangkan khas, khabar-nya dari Pulau Pinang. Pegawai itu terpaksa menyiapkan diri-nya untuk balek ka-Penang kerana tugas-nya sudah habis. Soal pembahagian itu tentu tidak kena-mengena dengan champortangan parti politik, tetapi apa yang sudah berlaku? Dasar pemerintahan itu mesti membenarkan pegawai²-nya sahaja melaksanakan kerja², telah di-champor-tangan kerana kehendak orang² parti. Saya tidak mahu kehendak orang² parti ini di-layan di-dalam melaksanakan urusan pemerintahan negara. Kalau tidak akan rosak-lah pentadbiran dan tidak ada keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, semangat Perlembagaan kita menunjukkan ia-nya di-bentok dengan kemahuan dan kehendak² bagi melaksanakan keadilan. Di-dalam Perlembagaan menyebutkan dengan tegas bahawasa-nya tidak ada-nya diskriminasi di-antara gulongan² kaum atau pun kerana ugama. Saya mengharapakan Kerajaan baharu, dengan dasar² progresif-nya chuba melaksanakan konsep² keadilan sesuai dengan kehendak Perlembagaan, kerana di-dalam negara Malaysia sekarang ini dua buah Negeri diperintah oleh parti politik lain daripada Kerajaan Pusat, yang memerintah—Kerajaan Pusat. Dahulu-nya hanya PAS, tetapi sekarang ada Parti Gerakan yang memerintah negeri Pulau Pinang.

Saya mengharapakan supaya dasar² keadilan itu di-laksanakan dengan sa-baik²-nya. Apa yang harus di-beri oleh Kerajaan Pusat kerana kepentingan national kepada sa-buah negeri hendak-lah di-beri walau pun Kerajaan Negeri itu bukan di-perintah oleh parti yang sama dengan Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat yang memegang, mendapat mandat ra'ayat kerana suara-nya lebeh pada dasar-nya memegang amanah dari ra'ayat seluroh negara kita ini, dalam istilah demokrasi sa-bahagian besar memberi amanah, memberi mandat, dan kuasa Kerajaan Pusat itu ada-lah menjaga amanah, bukan pusaka sa-lama²-nya.

Sa-bagai penjaga amanah laksanakan-lah amanah itu dengan sa-baik²-nya supaya keadilan itu berjalan dengan sempurna-nya. Amalan² yang telah berjalan pada satu decade yang dahulu, tahun 1959 sampai 1969, sangat pahit yang saya tidak mahu mengulang kaji, tetapi saya menulis buku, terlalu pahit, terlalu burok dan terlalu memalukan. Saya harap tidak akan berulang lagi sa-sudah kita menempoh perubahan besar baharu² ini. Laksanakan-lah amanah itu dengan baik supaya ra'ayat seluroh-nya mendapat faedah daripada keadilan pemerintahan Kerajaan Perikatan yang menguasai Kerajaan Pusat sesuai dengan kehendak Perlembagaan kita. Satu chontoh saya katakan bagi kepentingan negara kita, kita perlu memperbanyakkan production hasil² bumi. Kita perlu mendapat chukai² ekspot daripada hasil² production kita, pengeluaran dalam negeri kita.

Kelantan negeri yang di-katakan maseh belum terbuka. Sa-bahagian besar hutan rimba. Chuba bertanya kepada sa-tiap orang yang waras fikiran-nya, sa-buah Negeri boleh-

kah di-buka tanpa mempunyai jalan-raya? Tidak ada sa-buah negeri yang moden telah dapat di-bangunkan dan di-majukan sehingga meningkatkan kekayaan ekonomi bagi negeri itu kalau tidak ada pembangunan jalan raya.

Kelantan ada-lah sa-bahagian daripada negara Persekutuan. Ra'ayat di-Kelantan ada-lah ra'ayat Persekutuan. Hasil² boleh di-keluarkan dari Kelantan, boleh mendatangkan keuntungan kepada negeri Kelantan dan juga mendatangkan keuntungan kepada Kerajaan Pusat. Saya tidak payah berchakap panjang lebar, kerana dahulu telah pernah diperdebatkan perkara ini, chuma yang saya tidak mahu lagi amalan² yang dahulu. Kita mulai dengan semangat baharu dan adil dalam segala perlaksanaan-nya. Kelantan memerlukan jalan raya yang besar. Projek yang terbengkalai yang pernah saya suarakan dalam Dewan ini, sa-orang Engineer bangsa Ingeris pernah di-beritahu di-Kuala Lumpur: Take this money and go slow, ambil wang sa-juta ringgit, dua juta ringgit yang ta' chukup, projek itu berpuloh juta untok menyudahkan jalan raya itu. Ambil sedikit, go slow, ma'ana-nya biarkan jalan itu jangan sudah supaya Kelantan tidak dapat membuka negeri Kelantan, hasil kayu tidak dapat pada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat juga rugi. Ini tidak boleh di-amal lagi. Kelantan memerlukan jalan raya—Kuala Krai ka-Bukit Hantu, yang boleh di-buka Simpang ka-Kuala Berang ka-Jerantut, ka-Gua Musang dan ka-Ipoh, atau Sungai Siput dan juga jalan raya dari Kota Bharu menerusi Grik ka-Pulau Pinang. Jalan raya itu penting kerana kepentingan tentera di-sa'at² yang akhir ini. Kalau pemerintah dahulukan apa yang saya katakan pada bertahun² dahulu, kepentingan kita terjamin dalam mengawal keadaan sempadan yang rumit sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek hati dengan dasar² ekonomi haharu Kerajaan, tetapi saya tidak mahu mengulas kerana saya mahu bagi chance dia jalankan dahulu. Chuma boleh saya sebutkan sa-patah dua untok menambah, memberi pendapat². Dasar ekonomi baharu ini juga harus di-jalankan bagi semua ra'ayat, tetapi bagi semua ra'ayat yang saya maksud termasuk semua parti politik, anggota parti politik. Saya mahu semua gulongan, semua fahaman, apa yang di-katakan ra'ayat, harus menerima dengan tidak ada diskriminasi di-dalam soal ini.

Saya mengharapkan dasar ekonomi baharu itu membawa perubahan. Perubahan mana akan membawa sedikit demi sedikit, perubahan pula kepada ekonomi liberal yang berjalan di-negara kita sa-lama ini yang keterlaluan dan tidak menguntungkan. Saya tidak menyetujui menolak ekonomi liberal dan menjadikan hak kebangsaan seluruh-nya, tidak, kerana dalam Islam sendiri mengakui hak² individual, hak milik persaorangan.

Pada satu masa dahulu kira² empat atau lima tahun pernah saya berchakap tentang ekonomi kebangsaan di-dalam Dewan ini yang di-antara-nya saya menyarankan supaya sharikat² kerjasama di-gabungkan dengan dipulupori oleh Kerajaan sa-hingga menjadi tenaga raksaksa. Sharikat² Kerjasama itu bukan-lah semata² Melayu, ia dari semua golongan ra'ayat negeri ini. Seluruh-nya menggabungkan tenaga menjadi satu sharikat kerjasama yang besar. Kerajaan harus memberi bantuan dan mereka harus mengambil peranan yang penting di-dalam impot-eksepot sa-bahagian barang² yang menjadi kepentingan seluruh bagi ra'ayat negeri ini. Dan ini tidak boleh di-tentang oleh siapa pun juga orang² yang sa-lama ini, atau sa-belum itu mendapat apa² kemudahan tentang impot permit dan sa-bagai-nya kerana apa yang merupakan kepentingan nasional di-kuasai oleh badan yang berupa nasional, tidak ada siapa yang boleh marah, sa-kali pun dia kapitalis, kalau dia marah, arti-nya dia anti nasional.

Beberapa hari yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, Kongres Kerjasama kita telah di-adakan dan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah menyatakan supaya ada perubahan² dan memajukan sharikat Kerjasama, menganjorkan supaya adakan lawatan ka-luar negeri untuk meninjau bagaimana kemajuan² sharikat kerjasama di-luar negeri yang telah mengadakan projek² besar, perusahaan² besar bukan sahaja sa-kadar kilang² kecil dan sa-bagai-nya seperti yang di-negeri kita ini.

Saya sangat berterima kasih dengan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di-Majlis Persidangan Sharikat Kerjasama baharu² ini dan saya mengharapkan perubahan² besar akan berlaku sa-sudah ini.

Saya suka memberi pandangan saya, Kerajaan dengan dasar ekonomi baharu-nya harus membuat peratoran² melalui Majlis Tanah Kebangsaan arti-nya kerana kepentingan

Negeri² supaya sa-tiap benda, logam yang ada di-dalam bumi Negeri² hanya boleh di-proseskan boleh di-kerjakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri masing². Tidak perlu di-bahagikan kepada sharikat², tetapi kalau Perbadanan kemajuan ekonomi Negeri itu tidak sanggup melaksanakan, tidak mempunyai kemampuan, soal technical know-how dan sa-bagai-nya, kalau kekurangan modal, boleh di-adakan joint venture. Tetapi dia mesti di-miliki, sama ada joint venture sekarang ini, dan akan datang seluruh-nya oleh Perbadanan Kemajuan Negeri, kerana itu ada-lah hak yang sa-patut-nya di-miliki oleh Kerajaan² Negeri.

Benda di-dalam bumi ada-lah benda yang mujor malang kita berjumpa. Kadang² kita tidak berjumpa, benda itu terpendam tetapi mempunyai nilai berjuta². Sa-orang yang menchari, mendapatkan, membuat kekayaan, kerana menchari bagi mendapatkan dan kerana mahukan kekayaan, timbul-lah, berbagai² pertentangan antara group dengan group yang merebutkan kepentingan² logam dalam bumi. Timbul perchubaa² rasuah, timbul sakit hati antara satu puak dengan satu puak yang berjaya mendapat prospecting permit dengan yang tidak berjaya mendapat P.P. Berbagai² fitnah boleh timbul di-dalam anggota masyarakat kerana benda yang tersembunyi di-dalam bumi, sedangkan mengikut pandangan Islam, sa-tiap benda yang tersembunyi enam inchi di-bawah bumi, dia tidak boleh di-da'awa milik oleh sa-siapa. Bila dia tidak boleh di-da'awa milik sa-siapa, tidak harus di-beri milik kepada sa-siapa, dia harus di-miliki oleh negara. Dia harus di-kuasai oleh negara dan Perbadanan Kemajuan Negeri sa-bagai sifat-nya satu badan berkanun dalam sa-buah Negeri harus melaksanakan itu. Keuntungan-nya untuk faedah seluruh ra'ayat dalam negeri arti-nya kepentingan seluruh manusia di-dalam negeri, atau negara, tidak ada fitnah, tidak ada pertentangan, tidak ada berlaku perchubaa korapsi dan sa-bagai-nya, kerana benda itu di-letakkan di-tempat yang hak dan ini satu pandangan saya, terserah-lah kepada Menteri Dengan Tugas² Khas yang menjadi peranchang di-belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memikirkan apa yang saya sarankan.

Saya suka juga mengambil peluang, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengingatkan MARA. Saya harap MARA ini chuba memikirkan untuk membuat perusahaan² kilang yang besar², biar-lah yang kecil² itu MARA

menjadi badan pembantu kewangan dan pemberi fikiran. MARA memikirkan kilang² yang besar², seperti kilang getah dan sa-bagainya. Kilang yang besar² ini seperti kilang basikal, tetapi kilang batek, perusahaan batek biarkan ra'ayat yang membuatnya, dia berikan modal dan beri segala kemudahan dan charikan pasaran di-luar negeri, itu sudah cukup.

Saya tidak perlu berchakap terlalu panjang, tetapi saya mahu mengatakan bahawa MARA mahu-lah menchari projek yang besar². Jangan buat kemeja batek, orang lain sudah buat. Jangan bunuhkan perusahaan batek yang di-jalankan oleh ra'ayat dengan modal² kecil yang berupakan cottage industries. Kalau MARA boleh menjalankan perusahaan² besar, maka competition peng-usaha² batek ada-lah berlaku sama² peng-usaha batek, erti-nya mereka yang akan mengeluarkan qualiti yang lebeh baik dan mereka mendapat pasaran yang lebeh baik. Tetapi sekarang ini tidak, dan ini sa-bagai satu chontoh yang boleh di-jadikan lain² jtu lagi sa-bagai chontoh.

Sementara itu, oleh kerana saya sa-chara kebetulan menyebutkan soal batek pada hal yang sa-benar-nya sa-bagai chontoh untuk pertimbangan MARA perlu juga saya sebutkan bahawa batek ini kalau di-Malaya di-mula² di-Kelantan sampai terkenal batek Kelantan dan sekarang merebak di-Trengganu, tetapi sa-tengah² orang mengatakan batek Kelantan juga walau pun di-buat di-Trengganu. Sadikit orang yang tahu berkenaan batek di-Trengganu, tetapi banyak orang mengatakan batek Kelantan. Perusahaan batek itu memberi pekerjaan kepada beribu² orang ra'ayat, yang beribu² ra'ayat itu mempunyai beribu² tanggungan, isteri dan anak². Kain puteh yang menjadi bahan penting untuk batek di-kenakan chukai yang tinggi. Kalau keseluruhan-nya kena chukai, tidak apa. Kemajuan batek Kelantan yang di-usahakan oleh orang² Melayu di-Pantai Timor itu sudah berpindah, di-beli fikiran dan di-beli ilmu-nya, di-bawa ka-Penang beberapa tahun dahulu. Di-Penang, kain puteh hanya di-kenakan chukai impot 4%. Kain batek yang di-buat di-Pulau Pinang di-kirim ka-Tanah Besar Malaysia Barat tidak berchukai. Kain yang tidak kena chukai hanya sekadar chukai impot 4% erti-nya harga murah di-buat di-Pulau Pinang di-kirim ka-Malaysia, ka-Tanah Besar, bagaimana dapat berlawan (compete) dengan kain²

yang di-buat di-Kelantan. Pada hal orang² yang mendapat pengetahuan membuat batek di-Pulau Pinang menchuri ilmu itu, membeli orang² yang berilmu dalam hal ini daripada Kelantan. Perkara ini timbul dalam Persatuan Pembatek² di-Kelantan, mereka mengeloh, saya tidak mahu menunjukkan bagaimana patut Kerajaan buat, tetapi Kerajaan hendak-lah memikirkan bagaimana memperlindungan (to protect) mereka, kerana mereka ada-lah sumber mendatangkan pekerjaan kepada beribu² ra'ayat di-Negeri² Pantai Timor ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya mungkin sudah ada dalam peringatan pehak Kerajaan dalam ranchangan ekonomi baharunya, tetapi biar-lah saya sebutkan, kerana saya tidak pernah dengar. Pehak Kerajaan harus mengadakan atau pun kalau telah adakan badan membuat research, membuat penyiasatan, kajian yang mendalam kepada sa-tiap benda² yang ada di-dalam negeri kita.

Saya terbacha baharu² ini, ada keterangan Menteri yang menerangkan berthabit hendak memberi lesen untuk orang hendak membuat minyak makan daripada biji getah. Sudah berpuluh² tahun biji getah ada di-pokok getah dan luroh di-bawah pokok getah, baharu sekarang tahun 1971 kita dengar khabar dia boleh di-buat minyak makan. Saya tidak tahu apa-kah minyak daripada buah getah itu boleh di-buat minyak makan dan tidak merosakkan kesihatan? Apa-kah dia telah di-buat research yang sunggo² dalam jangka panjang mungkin dia boleh merosakkan kesihatan manusia atau tidak? Ini satu chontoh erti-nya negara kita dapat sumber² baharu memberi pekerjaan kepada ra'ayat dan boleh mendapat wang. Kalau dia baik, kita dapat ekseptot, menjadi puncha bagi mendapatkan pertukaran wang luar negeri dan kita ada banyak lagi benda² yang lain. Rambai, kita boleh jual jem. Mesti adakan research. Apa zat yang terkandung, apa vitamin yang ada, A sampai Z atau tidak? Di-dalam bahan² mentah yang ada di-negeri kita ini banyak benda yang boleh di-buat research, di-siasat, di-beri pendapat, kemudian badan swasta atau FAMA atau pun MARA atau pun pehak Kerajaan boleh mengadakan usaha² bagi memproseskan benda² dalam negeri ini yang boleh mendatangkan pekerjaan kepada ra'ayat dalam negeri kita ini dan mendatangkan puncha kewangan bagi negara kita ini.

Di-dalam perusahaan² besar, memang pada tempat-nya kalau Kerajaan memasokkan modal dalam proses perkembangan ekonomi negara kita sekarang ini dan memang pada tempat-nya juga jika ada perusahaan besar dalam negeri, milik ra'ayat negeri ini yang goyang, maka Kerajaan harus memberi bantuan kewangan untuk mengimbangkan kekuatan-nya, memulehkan kekuatan-nya supaya jangan tombang seperti yang dilakukan oleh Kerajaan kepada Malayan Banking. Dan ini menjadi satu contoh untuk Kerajaan berbuat begitu kepada perusahaan² lain dalam negeri ini supaya menjaga kesetabilan ekonomi negeri ini.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa chenderong, Kerajaan berkongsi dengan sharikat² luar, atau pun sharikat dalam negeri membuat kilang peluru.

Ahli² Dewan yang lama di-dalam Dewan ini tentu ingat bagaimana saya menhadangkan kepada Kerajaan supaya membuat kilang peluru. Ta' lama kemudian, keluar-lah berita Kerajaan menimbang (consider) perkara membuat kilang peluru. Saya chukup senang hati, akan tetapi terperanjat saya bila saya ketahui bahawa kilang peluru itu di-perkongsikan dengan Sharikat lain. Saya menhadangkan kilang peluru itu dibuat dengan tujuan supaya Kerajaan tidak membeli peluru. Kalau di-beri pada kilang² lain, sama ada Kerajaan berkongsi atau tidak, erti-nya Kerajaan harus membayar dengan harga jualan. Kalau Kerajaan membuat, erti-nya Kerajaan mengeluarkan ongkos produksi, itu berbeza. Ada pun peluru ini harus dibuat oleh Kerajaan sendiri seperti negeri² Singapura, Kerajaan-nya sendiri yang membuat, tidak berkongsi. Indonesia, Kerajaan-nya yang membuat, tidak berkongsi. India, Pakistan, Kerajaan-nya yang membuat, mengapa kita mesti berkongsi dalam membuat peluru? Ada perkara yang boleh dikongsi²kan, ada perkara yang ta' harus di-kongsi²kan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada-kah ucapan Yang Berhormat itu panjang lagi?

Tuan Amaluddin bin Darus: Ada lagi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Baik-lah, meshuarat di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 4.40 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat)

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagi menyambong ucapan saya sa-sudah kita berehat sa-lama 15 minit, saya suka hendak mengambil peluang untuk berchakap tentang pertahanan dan keselamatan negara kita. Apabila saya berkata tentang keselamatan dan pertahanan negara kita, ia-nya tidak dapat di-pisahkan daripada keadaan dan keselamatan dalam negeri kita tidak dapat di-pisahkan daripada keselamatan di-sakeliling kita. Kita berada di-satu rantau dunia Tenggara Asia yang sedang bergolak. Kata sa-tengah² orang kita berada di-atas peti ubat bedil yang menunggu waktu untuk meletup. Pada masa ini Semenanjung Tenggara Asia, daripada Negeri² Indo-China, Burma, Thailand dan Malaysia semua mempunyai kesulitan² yang sama dan keselamatan Malaysia ada hubungan-nya dengan pergolakan ini, kerana jarak Saigon dengan Kota Bharu hanya beberapa ratus batu, jarak negeri Thai dengan Malaysia hanya sa-langkah kaki.

Kejadian² di-Indo-China daripada apa yang kita ketahui tentang peperangan di-Vietnam ada-lah satu hal yang berlanjutan bertahun² lama-nya. Perkara yang telah patut selesai beberapa lama telah melarat semakin besar sa-sudah champor tangan Amerika sa-chara langsung di-dalam peperangan di-Vietnam.

Sekarang ini perjuangan di-Vietnam merebak ka-Laos, yang sedia-nya telah ada kerumitan dalam negeri merebak ka-Kemboja yang sekarang bertukar nama Khymer yang sedia-nya ada kesulitan dalam negeri sa-hingga merupakan Amerika dan Vietnam menchampori seluruh-nya. Peperangan di-Indo-China dan hal² itu menimbulkan debar pada jantung hati kita.

Saya perchaya jikalau ra'ayat Asia di-beri peluang menyelesaikan masalah mereka sendiri dengan tidak champor dari tangan kuasa² asing, barangkali masalah di-Indo-China tidak sa-rumit seperti sekarang ini. Saya sedar siapa yang menggunakan influence di-sabelah pihak Utara Vietnam dan siapa yang memainkan peranan di-sabelah Selatan Vietnam dan keseluruhan Indo-China sekarang ini. Kita pun semua

sedar, kalau-lah tidak kerana hal² yang terjadi di-dunia di-bahagian itu ada hubungan keselamatan dengan kita, sekarang dan akan datang, tidak perlu bagi saya membawa perkara ini dalam Dewan Negara.

Daripada sejarah, sebab manusia itu bersejarah yang mana bangsa Annam atau sekarang ini kita kenal sa-bagai Vietnam, ada-lah tidak pernah berhenti berperang sejak 1,000 tahun yang lalu. Di-zaman ada-nya Kerajaan Melayu Kembayat atau Chempa di-Semenanjung Indo-China yang letak-nya di-antara Vietnam Selatan dan Vietnam Utara sekarang ini, tetapi Kerajaan itu telah hapus sa-bahagian ra'ayat di-Vietnam, sa-bahagian ra'ayat Kemboja, atau Khmer sekarang ini ada-lah berketurunan Melayu. Orang Annam atau Vietnam tidak pernah berhenti berperang, kerana Melayu ingin menakloki mereka. Kerajaan Mongol China pernah menaaloki Vietnam, tetapi mereka tidak pernah berhenti berhabis²an menentang, tidak berhenti berperang untuk mengalahkan, mengusir keluar penjajahan China daripada Vietnam, atau Annam pada waktu itu.

Dalam zaman moden kedatangan Peranchis orang² Vietnam ini tidak pernah mendiamkan diri daripada melawan, sunggoh pun beritanya tidak besar. Kemasokan Jepun sa-sudah penyerahan Peranchis dalam permulaan perang dunia yang kedua orang Vietnam bergorela menentang Jepun. Kembali-nya Peranchis ka-Indo-China sa-sudah selesai-nya perang dunia yang kedua, orang Vietnam, atau orang Annam terus menerus berperang menentang penjajahan dan apabila keadaan telah jadi begitu, sa-bahagian telah menerima ajakan Ho Chi Minh mereka menjadi kiri, mereka ingin melaksanakan program politik dalam negara mereka. Timbul champor tangan Amerika. Pada satu segi untung kapada kita, kerana mempertahankan merebak-nya bahaya itu ka-negeri kita, tetapi dari sudut yang lain dia belum tentu menjamin keselamatan kita, kerana perkembangan² yang berlaku sekarang ini menunjukkan bahaya yang sangat besar.

Berlanjutan-nya perang Vietnam sa-bagai sifat sejarah bangsa Vietnam sendiri, ada-nya bangsa asing dalam negara mereka ini, mereka akan tentang habis²an. Ini memberi jalan kapada pejuang² Pembebasan Vietnam, maksud-nya orang utara untuk menjalankan jarom membangun semangat pemuda² dari selatan atas asas sejarah mereka menentang

bangsa lain menguasai negara mereka. Kominis untong kerana sejarah mereka itu begitu ta' pernah berhenti perang.

Apa yang telah terjadi hasil daripada pengakuan sa-orang pegawai Amerika sendiri yang saya temui di-Tokyo sukar menghadapi masalah di-Vietnam, tidak kenal yang mana satu Vietcong dan yang mana satu Vietnam yang bukan Kominis—susah mengenal, susah membezakan sa-hingga anak² ikut menentang, maka berlaku-lah peristiwa di-My Lai yang sekarang tidak selesai di-bicarakan di-Amerika terhadap sa-orang leftnen hasil daripada pembunuhan beramai² hingga kanak² yang berumur 3 hingga 4 tahun telah di-korbankan oleh kerana kekejaman askar² Amerika, yang hilang akal menghadapi masalah perang di-Vietnam. Perchubaan² Vietnam Selatan menyerang ka-Laos untuk mengawal jalan Hor Chi Minh dalam berita sa-hari dua ini tentera mereka di-pukul mundur. Kalau mereka di-pukul mundur dan dari Utara mara ka-Selatan, kedudukan kominis bertambah kuat. Negara kita bertambah dekat kapada anchaman² yang lebeh besar.

Tuan Yang di-Pertua, ini meminta perhatian kita yang bersunggoh². Negeri Thai, saya tidak mahu menyebut soal negeri Thai, tetapi kerana dia ada hubungan dengan keselamatan negara kita, saya terpaksa menyebut soal dalam negeri Thai. Pemberontakan timbul di-negeri Thai—Selatan dan Utara. Pemberontakan Kominis di-Utara, pemberontakan orang² Islam di-Selatan dan di-samping itu ada pula di-sempadan kominis yang menyusunkan diri-nya yang mungkin akan menghentam Thailand dan mungkin menghentam Malaysia.

Apa yang berlaku di-Thailand terlalu dekat dengan kita, kerana sempadan-nya hanya sa-langkah kaki—tidak boleh di-ukor dengan batu. Kita hanya melangkah sahaja. Selatan Siam di-dudoki oleh orang² yang beragama Islam keturunan Melayu, kira² dua juta jumlah-nya.

Saya tidak perlu mendetailkan apa yang telah di-tanggung oleh mereka sebab itu soal dalam negeri Thailand. Thailand negara sahabat kita anggota ASEAN. Tetapi pemberontakan ra'ayat Selatan Siam keturunan Melayu yang beragama Islam yang ingin mendirikan sa-buah Republik Patani kembali kapada sejarah mereka dahulu ada-lah satu hal tidak boleh kita pejamkan

mata kita sa-mata² kerana Thailand negara sahabat. Bukan maksud saya supaya kita bermusuhan dengan Thailand dan kita menyokong pemberontakan, tidak bagitu, tetapi kerana soal-nya ada hubungan dengan keselamatan negara kita.

Menurut berita² akhbar dari Bangkok menyebutkan tentang gorela² Islam dan ingin pemisahan dari Thailand. Menurut berita² yang tersiar dalam majallah² yang kita baca ada hubungan mengatakan ada banyak berlaku kekerasan² dan kezaliman terhadap ra'ayat Selatan Siam. Kalau ini semua-nya benar ra'ayat Selatan Siam yang memberontak tidak mendapat bantuan dan sokongan dari segi moral, dari segi undang² international, dari segi Piagam Bangsa² Bersatu ia-itu tentang hak self-determination, Malaysia tentu tidak dapat menolong kerana kita terpaksa menjaga persahabatan kita dengan Thailand, menjaga perjanjian kita untuk menjaga keselamatan sempadan. Maka tidak patut kita menolong itu kerana akan menimbulkan permusuhan dengan Thailand. Tetapi kalau orang² di-Selatan Siam keturunan Melayu yang beragama Islam ini yang mendirikan Republik Patani gelap mata pula, tidak ada jalan keluar, kominis akan menghulorkan bantuan. Kominis tidak menghulorkan bantuan kalau tidak ada tujuan. Kalau kominis menghulorkan bantuan kepada pemberontak² Islam yang sekarang ini mereka itu tidak menerima bantuan kominis, tetapi kalau satu masa mereka terdesak terpaksa menerima bantuan kominis, kominis membantu tentu ada muslihat dan kalau kominis berjaya menjadikan mereka menerima bantuan dan mereka di-peralatkan oleh kominis akan datang mereka menjadi kiri, maka kita bukan sahaja berhadapan dengan gulongan kominis dari bangsa lain, tetapi gulongan kominis dari sa-bahagian keturunan bangsa Melayu yang berada di-Selatan Siam dan ini sangat merbahaya kepada keselamatan negara kita sendiri.

Soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyentoh panjang sebab tidak mahu menyentoh perasaan negara jiran kita. Tetapi soal-nya keselamatan kita yang memerlukan kita memberikan pertimbangan. Dalam diplomasi sa-bagai sahabat dengan Thailand dan dalam international kalau dapat kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar beberapa lama dan sa-hingga kepada hari ini ucapan yang menerangkan tentang

perlu-nya perkechualian Tenggara Asia. Malaysia menjadi pelupor dalam usaha dan ikhtiar untuk mendapat sokongan dunia khusus-nya kuasa² besar, Amerika, China, Russia dan sa-bagai-nya sa-bagai mengaku daerah ini merupakan daerah berkechuali. Fikiran yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Tun merupakan fikiran bijak. Sa-bagai langkah untuk menyelamatkan diri kita dari bahaya peperangan di-antara dua gajah yang pelandok mati tersepit di-bawah. Tetapi soal-nya negeri kita ini kaya, daerah Tenggara Asia ini kaya-raya, sumber kekayaan ini terlalu banyak yang belum di-proses, daerah kita ini tidak saperti Switzerland, kechil yang hanya berbatu² dengan salji, daerah kita ini daerah kaya, terlior orang pada daerah yang penoh kekayaan ini.

Dahulu kalau sa-orang Raja memerintah askar-nya mati berikut² kerana dia meminang, bapa tuan puteri negeri lain itu tidak bagi, sebab Raja ini tidak chantek—not handsome. Jad: dia marah, di-kirimkan tentera-nya untuk melanggar negeri itu, tangkap Raja, bunoh, rampas anak gadis, jadikan isteri-nya. Tetapi sekarang orang berperang kerana ekonomi, atau pun jalan² keselamatan ekonomi atau sebab² yang mendatangkan keuntungan ekonomi. Tetapi bagaimana pun kita boleh usahakan. Saya pun tidak fikir, sa-kali pun China Kominis yang kita ketahu² dasar-nya ingin meluaskan daerah, daerah Tenggara Asia pernah kata-nya sa-bahagian Tenggara Asia ini pernah termasuk dalam daerah dia pada masa yang lalu, jadi harus kembali kepada sejarah itu. Tetapi saya fikir mereka itu juga mungkin tidak sa-gila itu untuk menchari fasal yang boleh meleborkan dunia kepada satu kenah peperangan atom dan hydrogen yang akan mengakibatkan kematian yang tidak terhingga.

Saya bersimpati dan menyokong ranchangan menjadikan daerah Tenggara Asia ini di-kechualikan, di-teruskan oleh Yang Amat Berhormat Tun. Tetapi ada beberapa faktor yang perlu saya kemukakan untuk pertimbangan. Apabila kita memperkatakan tentang daerah ini harus merupakan daerah berkechuali dari sengkita politik dari perebutan daerah, dari perjuangan medan perang dingin, kita harus membebaskan diri kita dari sa-gulongan unсор² yang merupakan sa-bahagian dari apa yang di-katakan perang dingin.

Negara kita terlibat dalam Pakatan Lima Negara dengan Inggeris yang menjadi Anggota NATO; Australia dan New Zealand yang menjadi anggota ANZUS dan SEATO. Jadi kita mengatakan soal perkecualian tetapi kita tidak berkecualian sekarang ini terikat dengan keadaan yang tidak mengkecualikan kita. Dan negara kita, negara ASEAN, seperti Thailand juga terikat dengan Amerika, negara Filipina juga anggota ASEAN—daerah Tenggara Asia ini terikat dengan tentera Amerika, Pengkalan Clark dan sa-bagai-nya. Jadi daerah Tenggara Asia ini ada bahagian²-nya yang merupakan daerah terkongkong, daerah terikat dengan kepentingan satu blok yang menyebabkan orang lain tersenyum bila kita berchakap tentang kechuali.

Pada hemat saya, kita khusus-nya Malaysia, hendak-lah mengusahakan supaya membebaskan diri kita daripada ikatan² yang menyebabkan kita tidak di-pandang terkechuali. Kita tidak harus mengekalkan Perjanjian Pertahanan dengan Inggeris, dengan Australia, dengan New Zealand, dengan Singapura dan sa-bagai-nya seperti apa yang di-katakan Perjanjian Lima Negara. Buat masa ini kalau kita sudah membebaskan diri kita, kita merupakan sa-buah negara yang merdeka yang tidak terikat dalam soal Perjanjian Pertahanan dengan sebarang negara, tidak merupakan pengkalan kepada sebarang negara kemudian kalau Thailand dapat membebaskan diri-nya dan kemudian kalau Filipina dapat membebaskan diri-nya daripada pendudukan tentera Amerika, keadaan itu semua akan mula menunjokkan cherah ka-arrah kita mendabekkan dada, kami ada-lah negara² berkechuali, negara² kecil yang inginkan daerah kami di-kechualikan dari sengketa politik international. Dan kita teruskan usaha² bagi mendapat pengakuan perkechualian daripada kuasa² besar.

Sa-lain daripada itu apa yang mengenai dengan Malaysia, fikiran kita logik apabila kita mengatakan bahawa China Kominis harus menduduki tempat-nya di-dalam United Nations, sebab sejak tahun 1949 mereka telah menguasai tanah besar, tetapi saya tidak pernah mendengar satu kenyataan daripada kita bahawa siapa yang menguasai tanah besar dia ada-lah satu daripada big powers dan sa-bagai satu daripada big powers mempunyai hak veto dalam United Nations, maka China Kominis harus mengambil

tempat China Kebangsaan di-dalam United Nations dan China Kebangsaan itu terlepas daripada soal setuju atau tidak mereka—harus menjadi Taiwan, itu pun penduduk asli negeri itu, bumiputra negeri itu yang rupa-nya macham orang Melayu tidak senang dengan ada-nya Republik China di-Taiwan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengatakan kita tidak mengakui dua China, tetapi dalam pelaksanaan kita ada membenarkan Consulate China di-buka di-negeri kita. Kalau Consulate Taiwan satu masaalah, satu negara Republik Taiwan mithal-nya, tetapi dia adalah satu negara yang maseh menamakan diri-nya seperti apa yang di-bentok oleh Komintang pada tahun² dua puluhan dahulu, ia-itu negara yang menguasai Tanah Besar dan ini menyinggong perasaan China yang menguasai Peking, yang mempunyai *de facto* dan *de jure* di-dalam Tanah Besar China itu. Saya rasa ini juga harus diperbetulkan. Kita boleh berdagang tanpa ada Consul. Kita boleh berniaga dengan sa-siapa juga, sa-kali pun dengan shaitan, tetapi soalnya ada hubongan dengan sikap² kita dan keselamatan kita. Kita mahu meminta di-akuai pengechualian. Kita harus menyelesaikan ini pada hemat saya dua masaalah bagi Malaysia ia-itu tidak ada-nya Perjanjian Pertahanan, tidak ada-nya Pertahanan Lima Negara, kita tidak terikat dengan sa-barang perjanjian pertahanan dengan sa-barang negara, dan tidak ada-nya Konsulet China, Taiwan di-negeri kita, kemudian kedudukan China Kominis di-dalam United Nations, dia harus mengambil tempat dan ini harus di-tegaskan dengan betul² kemudian kita teruskan perjuangan kita meminta pengakuan supaya daerah kita di-Tenggara Asia ini di-kechualikan.

Negara kita sa-bagai satu daripada anggota Asean yang meliputi Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand. Menunjokkan satu contoh bagaimana kerjasama sa-rantau dapat di-wujudkan atas asas² saling hormat-menghormati dan membaiki keadaan masing². Ini harus di-perluaskan supaya usaha² menarek negeri² di-Semenanjung Tenggara Asia semua-nya ikut di-dalam Persatuan Asean.

Tun Adam Malik telah menchadangkan supaya pintu Asean terbuka termasuk Vietnam Utara. Pada pendapat saya, jika ini dapat di-terima oleh semua anggota ada-lah baik sa-kali pun Vietnam Utara menjadi

anggota dalam Asean. Saya yakin berdasarkan sejarah yang telah saya sebutkan tadi bangsa Vietnam dengan sejarah peperangan yang beribu tahun lama-nya tidak ingin negeri mereka di-perkosa atau di-perbudaki oleh orang lain, sebab itu kalau penyelesaian dapat di-wujudkan dengan mengakui hak² dalam negeri mereka dan jangan ada champor tangan, kita boleh mengadakan kerjasama chuma bahaya dari utara lagi. Itu sahaja yang wujud. Bahaya dari utara yang wujud itu jika mahu menerkam ka-Tenggara Asia juga, saya perchaya Amerika dan Russia sendiri tidak akan mendiamkan diri. Kalau Tenggara Asia ini dapat di-bulot dan di-telan oleh kekuasaan gergasi China Kominis, erti-nya China Kominis mempunyai kekayaan alam yang boleh membangunkan industry-nya kemudian boleh menghanchorkan Amerika dan boleh menghanchorkan Russia. Harus barangkali betul apa yang di-katakan oleh sa-orang fortune teller, saya dengar di-negeri Jepun mengatakan satu masa mungkin Russia dan Amerika bersatu untuk memukul China. Saya tidak mahu peperangan, tetapi kalau ini semua terjadi, mungkin akan berlaku.

Soal kita bagaimana menyelamatkan diri kita. Bagaimana kita selamatkan bangsa kita Malaysia, baik dari apa keturunan harus menyesuaikan diri kita dalam negara Malaysia meletakkan ta'at setia pada Malaysia dan mendo'akan keselamatan negara kita. Ini yang perlu pada kita. Saya sangat gembira mengikut usaha² Kerajaan dalam lapangan Asean mengadakan gabungan², usaha² memajukan dan sa-bagai-nya atas bentok bersama, dan saya ingin melihat satu masa ada Sharikat Perkapalan Negara Asean yang boleh menguasai semudra dunia. Ada Sharikat Penerbangan International yang di-kuasai oleh Asean yang menguasai udara. Ini bukan sahaja di-pan-dang dari sudut ekonomi, tetapi ikatan² menghubungkan ekonomi negara dengan negara anggota Asean akan mendekatkan lagi ikatan² politik antara negara Asean, saling pengaruh mempengaruhi, saling mempunyai kepentingan dan kepentingan antara satu sama lain, akan mengikat, mengemaskan lagi keanggotaan Asean dan pertubuhan Asean ini perlu di-perkuatkan dan di-perkemaskan menjadi satu benteng yang kuat di-Tenggara Asia ini yang bukan-lah satu khayal. Sebab sejarah dunia sa-belah sini memang bagitu dari zaman dahulu kala sa-belum penjajah barat masuk ka-mari.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya dari segi keselamatan kita, termasuk keselamatan Asean. Saya menyentoh tentang sedikit penyeludupan² yang berlaku di-antara negeri² seperti di-antara Thailand dengan Malaysia atau Malaysia dengan Indonesia dan sa-bagai-nya yang semua-nya itu merugikan kepentingan negara² yang berkenaan. Pada gulongan saudagar² dari negara² yang berkenaan untong, tetapi bagi negara² yang berkenaan rugi, sebab itu negara Asean harus menyelesaikan masaalah ini dengan jujur dan ikhlas supaya tidak timbul chemburumenchemburu² di-antara satu negara dengan satu negara dalam lengkongan Persatuan Asean.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan bahawa ranchangan ekonomi sahaja tidak cukup dan beberapa lagi tidak cukup, kerana seperti yang saya sebutkan tadi usaha² kita ekonomi sampai soal² kecil rambai pun saya sebut, memang tidak cukup. Soal keselamatan kita kalau dapat kita mengechualikan daerah kita ini pun di-aku² oleh Kuasa Besar, belum cukup. Kita perlu membangunkan sa-suatu. Kita mesti mengujud, melahirkan satu angkatan bangsa Malaysia yang mempunyai moral dan mempunyai identity Malaysia. Moral kemalaysian dapat di-wujudkan kalau dapat hati manusia Malaysian itu menerima, mengakui hakikat² yang memerlukan tundok dan ikut sa-hingga melahirkan moral yang baik dan daripada itu akan melahirkan identity Malaysian yang uniform dalam negara ini. Kalau kita tidak memikirkan, menitek-beratkan soal moral, perchaya-lah, Tuan Yang di-Pertua, bangsa yang hanchor moral-nya, akhir-nya akan menerima akibat kehanchoran seluroh structure negara dan bangsa itu sendiri.

Malaysia mempunyai penduduk kira² 50% daripada Angkatan Muda. Mereka ini perlu di-asoh, di-bimbing kepada dasar² yang murni. Kalau tidak, pertanda yang ada sekarang ini menunjukkan sifat² liar mulai tumbuh di-satengah² gulongan Angkatan Muda. Saya ingin melihat usaha² Kerajaan ka-arrah membawa perpaduan, perchantoman antara gulongan² pemuda semua suku² bangsa, baik daripada apa keturunan kadalam satu usaha yang pertama supaya ada pergaulan, barangkali sukar kita melaksanakan kepada orang tua, sa-lain daripada mengadakan upacara muhibbah, tetapi kepada anak² Angkatan Muda ini mesti

di-bawa langsung mereka ka-dalam segala progrem termasuk sokan dan sa-bagai-nya. Jangan di-biarkan ada kumpolan yang berasingan, merupakan kaum², tetapi mesti di-champur-adokkan supaya lahir asimelasi di-kalangan Angkatan Muda yang akan menjadi orang dewasa Malaysia pada masa hadapan. Itu-lah pada fikiran saya sa-baik² langkah yang harus kita lakukan sa-bagai perediaan dan persiapan mengujukkan dan melaksanakan bangsa Malaysia yang bersatu, yang menjadi idaman kita.

Dalam usaha² saperti ini, bagi menyampaikan kepada maksud yang luhur kita ini, kita harus memberi kewaspadaan untuk mengawal daripada bahaya² yang merosakkan usaha² kita. Hipis yang banyak masok ka-Malaysia, mendapat visa masok ka-Malaysia membawa chontoh yang sangat burok. Saya tahu sa-bahagian daripada Hipis terdiri daripada intellectual, tetapi mereka yang putus asa dalam hidup, yang kechewa, yang tidak tahu arah, yang tidak tahu ka-mana hendak di-tuju, akhir-nya mengambil jalan terbuka kembali kepada zaman primatif, mem-persetankan dengan semua sa-kali dan hidup dengan merasai itu-lah yang patut bagi mereka hidup sa-bagai satu tanda protes kepada masharakat yang ujud, yang mereka tidak puas dan tidak senang.

Negara kita ini mempunyai asas² budi-pekeriti. Bangsa kita terdiri daripada beberapa suku, beberapa keturunan, masing² mempunyai adat ketimoran yang luhur, harus di-kawal, di-pupok supaya jangan merebak penyakit² ini. Dalam usaha untuk menjaga, untuk meujudkan Angkatan Baharu Malaysia, yang menjadi bangsa Malaysia yang baik, yang tulin, kita harus berusaha dari sekarang untuk menjaga segala unсор² yang boleh membawa keruntohan moral mesti di-musnahkan sampai ka-akar²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan-lah saya mengatakan dalam Dewan ini bahawa penyakit yang menghinggap tuboh badan manusia, bahawa kemiskinan yang mendatangi keluarga manusia, bahawa kejahilan atau kebobohan yang ujud dalam masharakat manusia bukan sahaja penyakit² kepada manusia di-dalam dunia, tetapi arak, judi, pelachoran, perompakan, rasuah, semua-nya ada-lah musoh bagi manusia, musoh bagi kemasharakatan dan pembangunan bangsa sa-satu negara. Saya tidak mahu menyarankan banyak². Saya katakan ini musoh, erti-nya mesti di-basmi. Kerajaan memandang

dari segi wang. Berapa rugi-nya Kerajaan kalau di-haramkan arak, berapa rugi-nya Kerajaan, kalau di-hanchorkan sumbar² loteri dan judi, berapa rugi-nya Kerajaan kalau di-hanchorkan usaha² ini. Saya boleh mengata-kan usaha² yang tidak baik, musoh kita itu mendatangkan sedikit keuntungan, tetapi membawa akibat kerosakan yang lebeh besar daripada keuntungan yang kita dapat. Menghanchorkan itu semua-nya menolong kita, menolong jenerasi kita, menolong negara kita, menolong sejarah negara kita ini sendiri. Membiarkan mereka ujud akan merosakkan kita, negara kita dan jenerasi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya chuba hendak berchakap tentang Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Ini ada-lah satu usaha yang telah berjaya di-lakukan di-dalam zaman Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri. Saya bershukor kepada Allah kerana lama saya mengharap-kan supaya ada kesatuan yang saperti ini. Islam ada-lah Ugama Tauhid, Ugama yang satu, tidak berpechah². Dalam sa-buah negara saperti Persekutuan, dia harus di-usahakan supaya di-satukan. Tidak harus kita biarkan di-negeri ini Undang² yang di-katakan Undang² Islam bagini, di-negeri ini di-katakan Undang² Islam, tetapi bagini; harus semua-nya sama.

Wujud-nya Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam dapat menyelesaikan masaalah suasana negeri ini, kerana soal ugama adal-ah soal negeri; dengan di-bawa berunding bersama bagi menyelesaikan matalamat ke-bangsaan, matalamat negara, untuk menjaga imej kita kepada orang lain yang mengikuti betapa beza-nya, pada hal benda itu tidak sa-patut-nya berbeza. Dengan wujud-nya Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam ini ada orang memandang bahawa dia-nya telah menyelesaikan masaalah tengok anak bulan. Itu juga satu perkara yang memalukan kita, sebab dalam zaman saintifik dan teknologi ini, kita maseh meraba² tengok bulan. Kita di-suroh tengok bulan untuk membuka puasa, tetapi Nabi Muhammad s.a.w. mengatakan: "Kami satu bangsa yang tidak pandai menghitung, tidak tahu mengira. Sebab itu tengok-lah bulan waktu hendak berpuasa, dan tengok-lah bulan waktu hendak berbuka." Kalau kita sudah pandai menghitung dengan ilmu kita, kita boleh pergunakan ilmu kita ini kerana Islam adal-ah flexible, yang mengizinkan, yang telah meninggalkan teori² dalam Qur'an tentang semua hal² termasuk sains, sampaikan soal

ka-bulan dan sa-bagai-nya ada belaka dalam Al-Qur'an. Jadi, kalau kita terchichir ke-belakang sa-hingga orang lain memandang bagaimana, sa-tengah orang yang di-dapor memikirkan soal ketupat. Dia bukan salah Islam, tetapi kerana salah-nya salah perlaksanaan kita. Islam advance. Kita yang mundor ka-belakang. Soal ini soal kecil, Tuan Yang di-Pertua, soal tengok bulan dan penyatuan puasa dan hari raya ra'ayat, ini soal kecil, hanya satu masaalah daripada beberapa masaalah dalam Islam. Saya harap Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam ini dapat menyusun berdasarkan perundingan dengan semua wakil² dari Negeri², menchari sa-suatu bagi penyesuaian untuk di-uniformkan semua perjalanan di-dalam Negeri² di-Malaysia ini.

Saya ingin menyatakan pendapat saya, kalau ada chadangan² hendak mengadakan sa-orang Mufti Malaysia, tidak perlu-lah Kerajaan layankan. Kita tidak perlu mengadakan sa-orang Mufti, apa-tah lagi kalau Mufti itu kemudian ada upachara² apa² kita meminta dia bacha do'a. Tidak patut. Di-barat ya, mereka menjadikan Priest mereka tukang membacha do'a, tetapi tidak patut dalam Islam Ulama² yang menjadi Kadhi atau menjadi Mufti di-suroh membacha do'a. Semua orang boleh berdo'a dan saya tidak mengharapkan agar-nya Mufti Negara ini, kerana kita sudah chukup dengan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam yang boleh merundingkan semua masaalah, kemudian di-laksanakan di-bawah kuatkuasa Undang² Negara.

Saya harap di-dalam perubahan Kerajaan baharu dengan ada-nya Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, pehak Kerajaan akan menerima shor² atau mendorong supaya terlaksana-nya kehendak Perlembagaan tentang Islam sa-bagai ugama negara. Tidak ada sa-siapa yang patut bimbang tentang Islam sa-bagai ugama negara, sebab safeguard-nya telah ada di-dalam Perlembagaan, bahawa ugama lain tidak di-larang dan demikian-lah Islam tidak melarang kebebasan manusia, tidak memaksa manusia menerima Islam. Sebab itu tidak ada sebab yang patut di-bimbangkan oleh sa-siapa pun juga, chuma Kerajaan harus-lah berusaha lebeh lagi dalam melaksanakan kehendak Perlembagaan sa-bagai apa yang di-katakan Islam sa-bagai ugama negara. Saya maksudkan supaya di-laksanakan sa-berapa yang dapat atas kehendak Islam sa-bagai ugama negara yang terchatit dalam Perlembagaan,

sa-berapa yang boleh sadikit demi sadikit, sebab kalau dia hanya di-beri sadikit dan di-rasai itu-lah yang sa-endah²-nya dan sa-baik²-nya tidak-lah menyempurnakan kehendak apa yang di-katakan Islam yang complete yang merupakan way of life. Dan kalau di-bahagi sadikit, kemudian di-katakan itu-lah Islam, sudah chukup, kami sudah buat, dia akan menjadi chandu, dan men-chandui ra'ayat, konon-nya ugama, tetapi tidak complete sa-bagai apa yang di-katakan Islam.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: On a point of order. Tuan Yang di-Pertua, ugama Islam telah terchatit dalam Perlembagaan ini, ia-lah hak dan kuasa tiap² sa-orang Raja. Kuasa dalam Perlembagaan pada Kerajaan Persekutuan chuma membantu wang sahaja, dan tuan tidak sa-kali² menyentoh hak dan kuasa Raja² sa-bagaimana yang terchatit dalam Perlembagaan bagaimana ada di-katakan di-sini ia-itu Fasal 181 Kedaulatan Raja² itu tidak boleh di-chachat dan di-sentoh sadikit jua pun. Menchadangkan Kerajaan Persekutuan menjalankan ugama Islam, kalau lebeh daripada apa yang di-uchapkan itu akan boleh jadi menyentoh Undang² Asutan. Saya memberi tahu sahaja di-sini.

Tuan Amaluddin bin Darus: Terima kaseh atas tegoran yang di-beri atau penjelasan yang di-beri oleh Yang Berhormat Peguam Negara. Saya fikir Yang Berhormat Peguam Negara akan sa-pendapat dengan saya bahawa apa yang saya terangkan itu ia-lah meminta Majlis Kebangsaan melalui Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam yang berarti menchantumkan semua daripada semua Negeri².

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Untuk penerangan, hendak-lah melalui perundingan Majlis Raja², lain ta' boleh.

Tuan Amaluddin bin Darus: Terima kaseh lagi sa-kali. Apa pun juga, yang saya harapkan ia-lah ada perubahan². Ini barangkali apa yang di-tegorkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara ia-lah kerana definisi-nya, interpretation-nya dan saya tidak ingin menyentoh sa-suatu yang boleh menimbulkan complicated. Apa yang saya sarankan ia-lah dengan ikhlas bagi melihat suatu keadaan yang baik, sebab ada hal² dalam Islam yang merupakan suatu ketegasan Tuhan yang kita harus menta'ati-nya, sa-bagaimana Yang

Berhormat Peguam Negara sa-bagai Ketua bagi melaksanakan Undang², tentu-lah mengetahui: "when the law say so, we have to obey". Ah, itu sahaja. Jadi kita harus memikirkan bagaimana sedikit demi sedikit membawa kapada proses yang boleh membawa kapada kedudukan yang menguntongkan kita semua sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam masha-rakat moden kita, alat² saperti wayang gambar, saperti surat khabar, majallah, radio dan talivishen, semua-nya merupakan mass media. Dalam negara kita ini ada alat² itu. Ada yang di-mileki oleh Kerajaan, ada yang di-mileki oleh yang bukan Kerajaan. Apa yang di-mileki oleh Kerajaan hendak-lah digunakan sa-baik²-nya. Sa-hingga ra'ayat seluroh-nya mendapat penjelasan dan Kerajaan berpuas hati, negara dapat berjalan dengan baik kerana ra'ayat sedar dan ra'ayat sedia ingin tahu hasil daripada penerangan mass media Kerajaan. Dan sa-kali pun Kerajaan menjalankan dengan baik, tepat, betul, bijak, pintar, saya harap Kerajaan memerhati pula mass media di-satu pihak lain yang di-jalankan oleh orang² lain berupa surat khabar, penayangan filem, majallah dan sa-bagai-nya yang kalau sa-kira-nya mereka itu bebas sa-mahu²-nya dengan dasar untuk menchari wang, atau membuat wang, dia akan merosakkan usaha² Kerajaan dalam membentok dan membena keharmonian ra'ayat dalam negeri ini. Sebab itu kebebasan mass media yang bukan Kerajaan harus di-awasi dan perkara itu terlalu banyak kalau hendak saya sebutkan satu demi satu di-dalam Dewan ini.

Sa-kira-nya Kerajaan gagal dalam mengawal, itu berarti sa-olah² saperti Kerajaan membelanjakan wang 10 juta ringgit untuk membasmi nyamok malaria, tetapi di-satu pihak yang lain memejamkan mata terhadap usaha orang lain membelanjakan 10 juta ringgit untuk membiakkan nyamok malaria. Pembangunan moral, budi pekerti dan sa-bagai-nya semua sa-kali dalam negeri ini harus sa-laras dengan chita² Kerajaan, chita² negara kita. Kalau tidak akan bertemu-lah dengan kesukaran² di-masa hadapan.

Saya harap dalam menguasai mass media pihak Kerajaan dalam negara demokrasi boleh memberi peluang kapada pemimpin² politik bagi mempergunakan alat² itu atas dasar² yang membena negara menurut asas² demokrasi.

Dasar menchemburui kerana memang-lah alat mass media Kerajaan itu hak Kerajaan, jadi Kerajaan chemburu, itu tidak harus di-amalkan. Sa-bagai chontoh mithal-nya tentang waktu pilihanraya. Waktu pilihanraya parti² politik di-beri peluang beruchap menerusi radio.

Dalam tahun 1969, Pilihanraya tahun 1969, saya di-beri peluang oleh pihak parti saya, beruchap mewakili parti di-radio. Saya pergi merakamkan ucapan saya, saya tahu berapa haribulan akan di-siarkan ucapan itu. Beberapa hari sa-belum itu, selalu saya mengikuti siaran warta berita pada waktu siang-nya. Lepas warta berita di-sebutkan: Pada malam ini dalam siri kempen parti² politik melalui radio, orang ini akan berchakap bagi pihak parti ini pada jam sekian². Pada hari yang saya akan beruchap, akan di-siarkan rakaman ucapan saya di-radio, warta berita siang-nya langsung tidak menyebutkan hal itu. Jadi ini gara² chemburu kerana pilihanraya. Jadi saya meng-harapkan ini tidak perlu ada; kita gentlemen, kerana kita menjalankan chara demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sa-kali kita perlu ada muhibbah dalam artikata yang sa-benar²-nya. Untuk mewujudkan muhibbah itu mesti ada toleransi. Toleransi yang di-tunjokkan oleh orang PAS, saperti yang di-siarkan dalam akhbar, kejadian di-Bachok, Kelantan, perbalahan yang boleh membawa berpanjangan di-dalam mahkamah, dapat di-selesaikan sa-kali pun pihak PAS yang sakit. Kadang² orang nampak bodoh, tetapi itu-lah jiwa besar yang tersembunyi dalam badan yang kechil, dari apa yang kita fikir, dari gulongan yang memperjuangkan chita² yang kadang² orang mengatakan ini mendatangkan bahaya dan kekachauan dalam negeri ini. Saya harap semua perasaan ini hilang dan kita akan chuba membangunkan negara kita dengan understanding—sa-fahaman dan di-beri peluang kapada parti² Pembangkang terutama PAS bagi menggunakan Radio dan T.V. Kita ta' payah sebut nama PAS dan peluang itu kita akan gunakan untuk membangunkan negara dan bangsa. Sekian terima kaseh.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: *(Dengan izin)*
Mr President, Sir, I feel it an honour to associate myself with the Motion of Thanks to His Royal Majesty for his Gracious Speech at the Opening of Parliament. It is fortunate that at the beginning of this new era in the history of Malaysia, under the

new Prime Minister Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, the country has as her fountain-head of honour and justice an equally young Sultan, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah of the State of Kedah, to be the fifth Yang di-Pertuan Agong of Malaysia. I have known His Royal Majesty since birth when the grandmother brought her two young grandchildren to my office over 40 years ago. Naturally all the Kedah people feel proud and happy that their Sultan and their State had been so honoured. It is fortunate for Malaysia that the Yang di-Pertuan Agong is a person of His Majesty's calibre—young, highly qualified with academic distinction, sportsman, sociable, approachable to all; with an accomplished and beautiful consort, a musician and social worker to assist and to grace all social and national functions. We are proud indeed as Malaysians to have Their Royal Majesties to lead the country and to bring all races together in peace, harmony, happiness, goodwill, prosperity and brotherhood for the future greatness of our beloved country and the peace of the world.

In his Royal Speech His Majesty speaks about the resignation of his beloved Uncle, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, as the Prime Minister. At the same time he thanked the Tunku for his distinguished, valuable and loyal services to the country and to the nation. It was most gracious of him to do so. I have known Tunku Abdul Rahman as few have known him. Tunku is an instrument of historic necessity for Malaysia. It is my sincere belief that the Tunku is the greatest Malaysian today, for without him we would be still under colonial tutelage or maybe another unresolved Vietnam. All Malaysians now and unborn owe a debt of gratitude to the Tunku as the Father of our liberation and independence, a debt which cannot be adequately repaid—"Hutang emas boleh di-bayar, hutang budi di-bawa mati".

His loyalty to his friends, his compassion for the unfortunate and his love for the country are typical of him. I have been told, and it is only known to a few, that it is the belief or the tradition of the Royal House of Kedah that the nephew will suffer misfortune and his life shortened if his uncle serves under him and performs the traditional obeisance in homage. Seen in this light you will know the magnanimity of the Tunku. There is a Malay saying, "Manusia

hidup di-kandong adat, mati di-kandong tanah". Roughly translated, it means: "Man lives in the womb of tradition and custom and dies buried in the womb of mother earth". I salute you, Tunku.

His Majesty touched on many subjects in his speech. I will touch on the Government's policy of non-alignment. On the 9th September, 1970, Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, the then Deputy Prime Minister of Malaysia, at the Lusaka Conference of Non-Aligned Nations said, "Nine years ago, the First Summit Conference met in Belgrade to enunciate the principle of non-alignment by a group of States in the cause of peace, freedom and progress. Three years later the Second Summit met in Cairo to re-affirm and elaborate on the principles enunciated by the First Summit Conference and to declare a programme for peace and international co-operation. Much had been achieved since then and many States joined in". Tun Razak continued, "The world would not be changed by our words, but by our deeds." He said that he would like to affirm his hope and conviction that the Third Summit Conference would be a catalyst towards the development of strong, committed and cohesive communities in the non-aligned world, so that they will be able to play a more effective role towards the development of greater peace, freedom, justice and human progress to which they have long been dedicated. I support the Tun's Policy. But can we do this in a world where the great powers are getting greedier and the smaller developing nations are getting poorer and chaotic? The United Nations with its pious objectives is still unable to bring the super powers to order, to observe the rules of the United Nations, while membership dues are increasingly unpaid. The United Nations is a world forum to publicise world opinion. What can opinions do when there is no force to bring the culprits to task? What can little nations do if super powers do not observe the laws of world morality and world justice—when there are no effective instruments to safeguard right and justice?

Today, we are living in an area where history is in the making—the area of the Pacific Ocean. In ancient times, world history was made around the Mediterranean Sea. It was here where the ferment of ideas and events that shaped civilization arose. The Atlantic era began when Portugal,

Spain, France, Britain (England), Holland and many other nations fringing the Atlantic Ocean sought for a new world in the Americas and made world history. Now the history of the Pacific era is beginning. Nations around the shores of the Pacific Ocean are awakening—China, the Soviet Union, the United States of America, Canada, Japan, Australia, New Zealand and all the other smaller nations, like Malaysia and others. Will the history of the Pacific Ocean of this Pacific region be a history of peace and prosperity, or will it be of war, violence and cupidity? For around this region are gathered most of mankind and the wealth of the world; all the great civilisations, religions and cultures are here; where East meets West—the recurring theme of history. What will be the outcome? The super powers are planning their strategy for action—the Soviet Union, United States of America, Canada, China, Japan, Australia, New Zealand—all will want to have a say in the control of the Pacific Ocean. The smaller non-aligned nations—Malaysia, Singapore, Thailand, the Philippines and Indonesia—will have to co-operate to survive. Can we do it? We must have all the technical know-how, the expertise, the unity, dedication and the spirit to fight for survival. Only then can we hope to orbit safely, without collision, around the gravitational pull of the super powers. A miscalculation in education implementation, in economic development, in racial unity, in nation building will make us once again pawns in the hands of the global powers whose interests are mainly concentrated on the wealth of this region for the benefit of their material civilizations. Will the new generation in Japan, a generation that has not known the sense of guilt, proud of its economic and technological overlordship in South-East Asia, become rampant again? These are questions hard to answer. Will Japan be happy to sell Hondas, tape-recorders and television sets, when her people are clamouring for new living space in the sun, free from the atmospheric and aquatic pollution caused by her ceaseless industries? This is the great question.

No government can thwart the will of her people for long. A democratic government is, after all, the manifestation of the will of the people. It must be our firm determination and that of our children to remain for ever independent and free at whatever cost. It must be the policy of the Government to

transcend the barriers of ethnic traditions and descents. To strengthen this resolution and determination, it is necessary for our multi-racial society to achieve unity and harmony, peace and prosperity, so that our children and our children's children shall always be free men. Sir, the enunciation of the philosophy of the Rukunegara is both timely and wise; the knowledge and the acceptance of the fatherhood of God and the brotherhood of men will be the ultimate salvation of mankind and the world. Thank you, Sir.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Dato' Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong usul yang di-bawa oleh Yang Berhormat Puan Aishah Ghani yang mana satu usul menguchapkan terima kasih di-atas Uchapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat menarek hati saya di-dalam Uchapan Titah yang di-sampaikan oleh Seri Paduka Baginda tempoh hari ia-lah bagaimana Kerajaan Beta, kata-nya, telah menyusun satu ekonomi baharu untuk mengesambangkan keadaan ekonomi ra'ayat Malaysia dengan tidak mengira keturunan.

Dato' Yang di-Pertua, apa yang hendak saya sebutkan dalam masalah ini, tidak lain tidak bukan ia-lah pelaksanaan yang akan di-jalankan berhubung dengan rancangan ekonomi baharu untuk kebaikan ra'ayat seluroh-nya, yang mana saya rasa akan melibatkan pegawai² Kerajaan, Jabatan² yang bersangkutan yang ada di-dalam negara kita ini. Jadi suka-lah saya memberi ingatan pada pihak Kerajaan supaya mengawasi benar² supaya rantai yang memusingkan jentera untuk melaksanakan dasar ekonomi ini tidak ada satu butir pun yang rosak, kerana walau bagaimana chantek, walau bagaimana baik susunan-nya, sa-kira-nya satu butir rantai rosak, maka kereta yang hendak kita hantar menuju ka-matlamat yang chantek dan bahagia itu akan terbengkalai.

Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri Kita, baharu² ini kita pernah baca dalam surat khabar beberapa kali mengingatkan pegawai² dan kaki-tangan Kerajaan supaya memberi khidmat-nya yang chemerlang kepada ra'ayat seluroh-nya, kerana hasil negara kita hari ini 65 sen tiap² sa-ringgit yang dapat ada-lah di-belanjakan kepada kaki-tangan dan pegawai² Kerajaan. Mengapa mereka ini

tidak dapat memberi khidmat-nya yang chemerlang kepada ra'ayat yang sentiasa minta khidmat yang baik.

Dato' Yang di-Pertua, dalam perkara yang ini suka saya menyatakan baharu² ini di atas kejadian yang berlaku di-dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat, terutama-nya di-Negeri Sembilan. Suka saya mencheritakan dalam Dewan yang mulia ini supaya pehak yang berkenaan, kalau ia tidak tahu, mungkin hari ini ia akan tahu dan dapat mengambil tindakan yang sa-wajar, bahawa di-Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan ada sa-orang Pegawai Division I yang di-tauliahkan dan ada juga lagi sa-orang Pegawai Division I di-dudokkan di-Jabatan ini berti sa-bagai kata pepatah Melayu: Satu kapal dua nakhoda. Rasa saya kalau sa-kira-nya satu kapal dua nakhoda, tentu-lah kapal itu akan hanchor dan lebor tidak dapat menuju ka-matlamat yang kita hendak tujukan. Tetapi apa yang aneh-nya, Dato' Yang di-Pertua, pegawai yang di-naikkan pangkat Division I pada bulan 10 tahun 1970 yang lalu tetapi ia-nya tidak mahu menuntut gaji Division satu-nya sa-hingga hari ini, sebab takut pehak Perbendaharaan tahu maka dia tidak di-benarkan lagi dudok dalam Negeri Sembilan. Jadi surokkkan dahulu sa-hingga hari ini sudah lebeh kurang 4 bulan, maseh dudok dalam Negeri Sembilan lagi, maka sa-patut-nya mereka ini mesti di-tukarkan kerana tidak ada dua nakhoda pada sa-buah kapal.

Apa yang sangat menyedehkan lagi, Dato' Yang di-Pertua, manakala kita berjumpa dengan pegawai yang di-tauliahkan sa-bagai Ketua Kanan Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan di-arahkan berjumpa kepada Pegawai Division I yang baharu di-naikkan ini, maka pegawai yang dudok di-atas sa-kali itu macham tutup mata sahaja, Dato' Yang di-Pertua. Maka berlaku-lah barangkali kalau hendak di-katakan pileh kaseh pun boleh-lah di-katakan pileh kaseh. Berhubung dengan bantuan banjir, kalau saya hendak chapkan barangkali harus melibatkan beberapa orang, beberapa manusia, mungkin barangkali mereka akan marah pula kepada saya.

Jadi, tidak payah-lah saya bukakan satu persatu, memada'i saya memberi pandangan yang besar² sahaja supaya pehak yang berkenaan dapat mengambil tindakan yang sempurna.

Dato' Yang di-Pertua, satu Jabatan lagi, suka saya menyebutkan perkara ini baharu

berlaku, sa-lepas Parlimen ini di-buka, bahawa temuduga pada satu Jabatan itu berlaku pada 7hb Mach, maka orang yang menerima surat jemputan kerana temuduga itu menerima 8hb Mach. Jabatan Buroh, barangkali harus-lah Kementerian Buroh dapat membreeze sadikit pada pegawai²-nya ini supaya tidak di-tudoh oleh orang ramai Kerajaan yang memerintah hari ini chuai, bahkan Kerajaan berkehendakkan supaya orang ramai itu di-layan dengan sempurna, tetapi kerana perbuatan yang tidak bertanggung-jawab oleh sa-bahagian pegawai dan kaki-tangan Kerajaan—sa-tengah²-nya, yang baik jangan semua pula di-marahkan kerana mereka bekerja betul, kerana perbuatan mereka Kerajaan yang di-umpat, Kerajaan yang di-keji dan Kerajaan yang di-tudoh oleh orang ramai. Sa-benar-nya ada-lah perbuatan mereka² yang tidak bertanggung-jawab itu.

Lagi satu Jabatan yang suka saya sentoh, ini ada-lah Jabatan yang banyak orang ramai menumpukan, berkehendakkan khidmat mereka, ia-itu Jabatan Pendaftaran. Yang malang-nya di-Negeri Sembilan, tidak tahu-lah saya di-negeri lain, waktu bekerja hari ini, dahulu 8.30 sekarang pukul 8.00, tetapi Jabatan Pendaftaran, orang ramai boleh berjumpa pegawai-nya pukul 9.00, tidak tahu-lah saya di-mana silap-nya. Jadi, saya harap kalau sa-kira-nya pehak Kerajaan memikirkan General Order, atau pun Financial General Order yang kita terima dari penjajah dahulu tidak sesuai lagi, maka sampai-lah masa-nya pehak Kerajaan mengkaji sa-mula General Order dan Financial General Order ini sesuai dengan keadaan yang ada hari ini, kerana kita pun telah merasa dengan tidak sesuai-nya Perlembagaan yang di-sogok oleh satu badan itu, kita telah meminda-nya baharu² ini. Maka patut-lah pula pehak Kerajaan menyemak sa-mula General Orders dan Financial General Orders ini, mana yang tidak sesuai patut-lah di-buang, di-kaji samula, kerana ini ada-lah menjadi senjata bulat² pada sa-tengah² Pegawai Kerajaan manakala datang kita complain, General Orders tidak benarkan, Financial General Orders tidak boleh-kah sa-hingga projek² kechil yang di-belanjai oleh Kerajaan yang patut berjalan bulan 5, bulan 6 atau bulan 7, bulan 12 baharu berjalan, kerana Financial General Orders tidak benarkan. Manakala akhir sahaja bulan 12 wang beribu²—tolak dengan segera, kemudian kontrek di-panggil

dan suroh sudahkan kerja ini sa-belum 20hb Disember. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, manakala di-buat dengan tergesa² dan di-luluskan pun tergesa², saya takut perbuatan ini berudang di-sebalik batu. Jadi, rasa saya sudah sampai masa-nya pehak Kerajaan kita mengkaji sa-mula General Orders dan Financial General Orders, dan kapada Kementerian yang bersangkutan ini, saya berdukachita benar-lah bahawa kakitangan Jabatan Imigeresen di-Negeri Sembilan, harap tolong-lah ambil perhatian kerana rumah yang ada untuk kakitangan Jabatan Imigeresen di-Negeri Sembilan itu sangat mendukachitakan. Situ-lah pintu masuk, situ-lah pintu keluar, sa-hinggakan kakitangan yang mengelolakan Jabatan itu tidak dapat bernafas, kerana bila jam berhimpit lelaki dan perempuan, maka naik-lah bau-nya yang memeningkan. Jadi pehak yang berkenaan patut-lah menimbangkan bagi mencari satu pejabat yang sesuai bagi Jabatan Imigeresen, Negeri Sembilan ini.

Dato' Yang di-Pertua, sa-perkara lagi yang saya hendak chakapkan mungkin ada bersangkutan-paut dengan Kerajaan atau tidak, maka sa-kira-nya tidak bersangkutan-paut dengan Kerajaan, saya harap pehak Kerajaan dapat memandang dan memerhati, ia-itu di-negara kita Malaysia ini ada dua Persatuan Bekas Pasokan Keselamatan—satu nama-nya ISAM dan satu nama ESPAM, tetapi apa yang mena'ajutkan, satu Persatuan Bekas Pasokan Keselamatan yang nama ISAM ini mendapat bantuan daripada Kerajaan sama ada daripada duit bunga poppy-kah, bunga apa-kah, tetapi dia ini mendapat bantuan, tetapi malang-nya Persatuan ini chuma menerima ahli daripada askar sa-mata² dan daripada ahli bekas² Pegawai Home Guard yang kebanyakan-nya dahulu ia-lah daripada bukan ra'ayat Malaysia. Ini-lah dua jurusan ahli yang di-terima oleh ISAM. Maka mereka ini mendapat bantuan yang lumayan, mendapat sumber kewangan yang cukup untuk menggerakkan Persatuan ini, malang-nya Persatuan yang satu lagi ini menerima seluroh bekas² Pasokan Keselamatan sama ada Home Guard, Polis Khas, Polis, Tentera dan sebagainya asalkan mereka itu ada hubongannya dengan Pasokan Keselamatan, di-terima. Maka Persatuan ini tidak mendapat bantuan apa² daripada pehak Kerajaan, kalau sa-kira-nya kita kaji lebeh jauh saperti mana yang di-siarkan oleh *Utusan Melayu* baharu² ini bahawa anak daripada bekas Pasokan Keselamatan tidak dapat belanja sekolah, itu-lah

barangkali sebab-nya ISAM tidak dapat menolong, walau pun duit-nya banyak, kerana bukan ahli-nya, tetapi malang, Persatuan ini sanggup membelanjai tambang kapal terbang Ahli Jawatankuasa-nya datang bermeshuarat ka-Kuala Lumpur daripada Kelantan mithalan-nya. Kalau sa-kira-nya tambang kapal terbang ini tidak payah di-beri kapada Ahli Jawatankuasa kerana menghadhiri meshuarat-nya di-berikan kapada anak² bekas Pasokan Keselamatan, alang-kah lumrah-nya anak² ini.

Saya berharap kapada pehak yang berkenaan tolong-lah mengambil perhatian yang berat sama ada Persatuan ini di-chantumkan atau pun beri-lah pertimbangan yang saksama supaya wang derma yang dapat di-beri oleh Kerajaan itu dapat di-nekmati oleh seluroh Bekas Pasokan Keselamatan. Kalau hendak di-katakan bekas Pasokan Keselamatan termasuk-lah juga Home Guard atau pun Pengawal Kampong. Kita tidak dapat menafikan bahawa di-zaman negara ini menghadapi dharurat beberapa banyak bilang Pengawal Kampong, atau Home Guard yang telah terkorban demi menjaga keamanan Negara kita ini.

Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan ekonomi baharu ini saya berharap benar-lah supaya perlaksanaan-nya dapat di-jalankan dengan sa-benar²-nya. Menyentuh tentang Rukunegara yang telah di-ishtiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, rasa saya Rukunegara ini juga patut sangat di-ambil berat bukan oleh jenerasi kita ini, tetapi oleh anak² kita yang baharu lahir hari ini. Kalau sa-kira-nya Rukunegara sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Ghazali tadi ada-lah menjadi satu dokuman yang sangat berguna, maka patut-lah pehak Kerajaan, rasa saya, berikhtiar menyampai dan memberi fahaman terutama kapada anak², kalau boleh di-jadikan satu mata pelajaran dalam sekolah juga, maka patut di-pertimbangkan, sebab kita mesti ingat bahawa satu daripada perkara sensitif ia-lah bahasa. Maka saya takut kalau kita tidak mahu berusaha daripada sekarang supaya menanamkan atau memberi faham kapada anak² yang ada pada hari ini, maka Rukunegara akan menjadi perkara sensitif pula 10 tahun yang akan datang. Sebab saya kata begitu, saya yakin, sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Ghazali tadi bahawa Rukunegara yang ini di-buat, di-kaji dari segi ayat-nya, dari segi perkataan-nya

dan dari segi huruf-nya, tentu-lah rasa saya kalau sa-kira-nya kita tidak dapat memberi fahaman sunggoh² kepada bakal yang akan mewarisi negara kita ini, rasa saya sejarah 13 Mei berulang lagi. Jadi untuk mengelakkan sejarah 13 Mei berulang lagi, maka pehak Kerajaan telah mengadakan Rukunegara. Jadi satu daripada jalan yang paling mudah pehak Kerajaan patut-lah berkeras sedikit supaya Rukunegara ini mesti diamalkan, atau di-pelajari di-tiap² sekolah. Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Dato' Timbalan Yang di-Pertua, kita telah mengambil masa panjang membahathkan chadangan yang di-bawa oleh rakan kita bagi membahathkan Uchapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dalam masa perbahathan ini saya rasa banyak kita mengambil masa mendengar lecture² yang di-beri oleh sa-orang daripada Ahli Pembangkang wakil daripada Kelantan yang menyalinkan lecture itu daripada akhbar², daripada buku² sejarah, daripada buku² ilmu alam untuk di-dengarkan oleh Ahli² Dewan ini. Daripada keseluruhan ucapan-nya yang mengambil masa hampir dua jam itu, saya terpaksa mengupas dua perkara sahaja, sebab yang lain itu tidak payah di-kupas, kerana di-salin daripada buku sejarah dan daripada akhbar².

Dua perkara yang saya suka hendak sentoh dalam ucapan yang mengambil masa 2 jam itu, ia-lah yang pertama ketakutan beliau. Ketakutan beliau manakala persidangan UMNO menetapkan ia-itu Kerajaan akan menjalankan dasar parti dan gerakan Kerajaan itu hendak-lah sa-laras dengan dasar parti. Keputusan ini telah menggegarkan parti² Pembangkang khas-nya parti PAS sa-hingga beliau tidak silu² lagi membawa ketakutan itu ka-Dewan ini. Saya rasa tidak ada kekeliruan dalam masalah menjalankan dasar parti, kerana sa-bagaimana beliau sendiri telah berkata, beliau tidak menentang kalau Kerajaan menjalankan dasar parti, tetapi apa yang beliau tentang, ia-lah Kerajaan menjalankan apa² yang di-suroh oleh orang parti. Pada saya apa yang di-suroh oleh orang parti itu ia-lah dasar parti. Jadi tidak-lah salah-nya kalau dasar parti itu di-suroh dan di-jalankan oleh pemimpin² daripada parti yang memerintah. Itu tidak salah, chuma ini menzahirkan perasaan takut, perasaan bimbang, kerana mungkin dengan sa-laras-nya perjalanan

Kerajaan dengan perjalanan parti yang memerintah, maka tiga atau empat tahun lagi pilihanraya mungkin di-takuti yang Kelantan akan hilang daripada tangan pemerintahan-nya yang ada pada hari ini.

Perkara yang kedua yang saya suka terangkan di-sini, ia-lah beliau telah mengecham Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Tuan Abdul Ghafar Baba dalam perkara bantuan banjir. Saya rasa kalau beliau menyatakan hasrat dan perasaan Kerajaan-nya, ia-itu Kerajaan PAS di-Kelantan, kalau beliau menyatakan hasrat dan perasaan Kerajaan PAS Kelantan didalam Dewan ini terhadap kepada bantuan banjir yang di-hantarkan kepada Kelantan itu, maka saya kata Kerajaan Kelantan yang di-pimpin oleh PAS, ia-lah Kerajaan yang tidak berbudi. Kerana saya berani berkata begitu, kerana tiap² kali Kelantan mengalami banjir, maka tiap² kali-lah Kerajaan Pusat menghantarkan bantuan. Tiap² kali-lah Kerajaan Pusat menghantarkan askar, polis, bantuan beras dan sa-bagai-nya. Tiap² kali banjir, bukan sa-kali, bukan dua kali. Kadang² dua kali sa-tahun, Kelantan banjir, pun di-hantar juga. Jadi kalau suara itu datang sa-bagai hasrat daripada Kerajaan PAS, maka saya kata itu ada-lah sunggoh² tidak berbudi. Sa-benar-nya apa yang berlaku ia-lah satu salah faham. Yang saya tahu apabila selesai sahaja banjir di-Kelantan, Kerajaan membanchi, mensenaraikan siapa yang patut dapat bantuan banjir. Saya suka terangkan di-sini ada-lah satu masalah yang rumit bagi satu pegawai Kerajaan yang dudok di-bawah dua Kerajaan. Pegawai yang menjaga hal Kebajikan Masyarakat di-Kelantan terpaksa dudok di-bawah arahan dua Kerajaan, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Tetapi yang hampir dengan-nya ia-lar Kerajaan Negeri. Menteri Besar dudok didalam Negeri itu di-atas kepala-nya, Menteri Besar dudok. Tun Razak di-Kuala Lumpur, jauh sedikit. Jadi dia terlupe Tun Razak, dia teringat yang ada di-atas kepala dia sahaja. Jadi apabila mensenaraikan orang² kampong yang patut mendapat bantuan banjir itu, maka dengan pressure saya kata dengan "pressure", ta' tahu-lah ma'ana "pressure" itu "tekanan" atau pun apa-kah, tetapi saya rasa dengan "pressure", kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri di-atas Pegawai Kebajikan Masyarakat di-Kelantan itu, maka di-senarai-lah oleh orang² yang di-katakan parti PAS tadi, mereka² yang kena

banjir, yang orang PAS sahaja, yang senarai UMNO ta' terima, orang UMNO senarai dia tidak terima, dia ambil terima senarai orang PAS yang di-senaraikan yang kena banjir.

Jadi banjir pun di-jadikan modal untuk parti politik—dahsat! Ini dahsat sungguh, banjir pun di-gunakan untuk menekan ra'ayat supaya patoh kepada PAS di-dalam satu negeri. Senarai orang² UMNO tidak di-beri bantuan, yang di-beri bantuan ahli² yang menyokong PAS sahaja. Ahli PAS boleh dapat bantuan banjir, yang tidak PAS balek. Mereka yang berjalan dari rumah ka-rumah itu pun di-tanya, ini rumah PAS-kah atau UMNO. Jadi apabila perkara ini sampai

kapada pengetahuan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar Tuan Abdul Ghafar Baba kita maka menjadi tugas utama Menteri untok menchari ke'adilan, Menteri itu bertindak memberi arahan, tahan, jangan beri bantuan kerana banjir telah menjadi satu masaalah di-tekan ra'ayat supaya berpechah fikiran dalam masaalah politik. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang esok, 23hb Mach, 1971.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.